# Duduk di rumah
## Amalkan jarak sosial



MAC 16-31, 2020

PERCUMA

BULETIN MUTIARA

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow

# Penang Lawan COVID-19!

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri Pulau Pinang melancarkan kempen komunikasi khas 'Penang Lawan COVID-19' dalam usaha memastikan penyampaian info dan maklumat terkini berkaitan wabak pandemik tersebut disampaikan kepada rakyat secara lebih cekap, teratur dan berkesan.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow pada sidang media pengumumannya berkata, Kerajaan Negeri komited bersama-sama seluruh rakyat Pulau Pinang untuk mencegah penularan wabak berkenaan di negeri ini.

Menurut beliau, kempen 'Penang Lawan COVID-19' adalah penting sebagai langkah pertama dalam membendung penularan berita dan fakta tidak sahih yang boleh mengundang keadaan cemas dan panik dalam kalangan umum.

"Kempen ini akan membekalkan maklumat-maklumat pencegahan yang perlu berdasarkan panduan serta nasihat daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP).

"Ia penting sebagai platform untuk mewujudkan rasa tanggungjawab bersama dalam menyatupadukan seluruh rakyat Pulau Pinang ke arah mencegah penyebaran wabak ini," ujarnya sambil menzahirkan penghargaan kepada warga KKM dan JKNPP yang ketika ini sedang berkorban tenaga dan bertarung nyawa dalam mencegah, merawat dan melindungi rakyat Malaysia daripada wabak tersebut di sini pada 16 Mac lalu.

Hadir sama, Exco Pelancongan, Seni, Budaya dan Warisan, Yeoh Soon Hin.

Info dan maklumat terkini berkaitan COVID-19 boleh diakses melalui laman *Facebook* rasmi kempen 'Penang Lawan COVID-19' di *https://www.facebook.com/penanglawancovid19/* dan laman sesawang, *www.PenangLawanCovid19.com*.

Ketika ditanya berhubung statistik terkini kes COVID-19 di Pulau Pinang, Kon Yeow dalam responsnya memberitahu bahawa secara dasarnya Kerajaan Negeri tidak mempunyai sebarang data primer kerana data sahih hanya akan diumumkan oleh pihak KKM.

"Namun, apa yang kita boleh berikan adalah data sekunder (kedua) berdasarkan apa yang telah diumumkan oleh pihak KKM… dan ini hanya dapat dilakukan beberapa jam kemudiannya.

"Tindakan pihak KKM kini yang memberikan maklumat lebih menyeluruh berdasarkan perincian negeri dilihat membantu pihak berkuasa tempatan dan agensi bertanggungjawab untuk memantau serta menjalinkan kerjasama lebih erat dengan KKM dalam menanganinya," jelasnya yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi.

Serentak itu, menerusi kempen berkenaan beberapa langkah drastik untuk keselamatan seluruh rakyat Pulau Pinang turut diambil iaitu:

- Semua program Kerajaan Negeri dan organisasi swasta yang melibatkan perhimpunan awam perlu dibatalkan mengikut garis panduan KKM.
- Semua agensi negeri, premis-premis swasta dan institusi-institusi pendidikan (kerajaan serta swasta) diarahkan untuk mematuhi langkah-langkah kesihatan awam:

i. Semua orang yang memasuki premis agensi negeri, premis swasta dan institusi-institusi pendidikan (kerajaan serta swasta) akan diperiksa suhu badan mereka.

ii. Sediakan pensanitasi tangan *(hand sanitizer)*.

iii. Jarak sosial perlu diamalkan.

iv. Kakitangan awam serta swasta yang mempunyai gejala COVID-19 akan diminta bercuti.

- Kedua-dua Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) akan mengarahkan premis-premis perniagaan, termasuk premis makanan serta pusat penjaja di negeri Pulau Pinang untuk mematuhi langkah-langkah kesihatan awam seperti di atas.
- Kempen kesedaran kesihatan awam akan dianjurkan di seluruh negeri untuk memberikan maklumat dan kesedaran berkaitan cara-cara melindungi diri dan keluarga.
- Bagi sebarang maklumat berhubung produk-produk penutup muka, pensanitasi tangan dan termometer, sila dapatkan maklumat menerusi Persatuan Farmasi Komuniti Malaysia (MCPG) di *mcpg.org.my*.
- Orang ramai juga boleh menghubungi *Crisis Preparedness & Response Centre* (CPRC), JKNPP melalui alamat e-mel: *epid_penang@moh.gov.my* atau menerusi talian 04-262 9902 atau Bilik Gerakan Special Task COVID-19 di Komtar melalui talian 04-262 1207 / 04-262 1819.

**LOGO rasmi kempen 'Penang Lawan COVID-19'.**

# Atlet negeri terima penghargaan SKIMAS

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**GEORGE TOWN -** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow menyerahkan Skim Insentif Kemenangan Sukan Kerajaan Negeri Pulau Pinang (SKIMAS) kepada lapan atlet negeri yang menyumbang pingat dalam kejohanan Sukan Asia Tenggara (SEA Games) di Filipina pada 30 November hingga 11 Disember 2019.

Bercakap kepada pemberita, beliau berharap insentif tersebut dapat memberi motivasi serta membakar semangat para atlet negeri untuk memburu kejuaraan, sekaligus mengharumkan nama Pulau Pinang dan Malaysia.

"Insentif ini adalah sebagai penghargaan dan galakan (Kerajaan Negeri) Pulau Pinang kepada para atlet yang telah berusaha serta berkorban bagi mencapai prestasi terbaik demi Pulau Pinang, negara dan bangsa.

"Malah, sejak SKIMAS diperkenalkan pada tahun 2014 sehingga 2020, sebanyak RM1,047,300 sumbangan insentif kewangan telah disumbangkan kepada barisan atlet yang layak," jelasnya yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Exco Kerajaan Negeri di sini pada 4 Mac lalu.

Bercakap pada majlis sama, Exco Belia & Sukan, Soon Lip Chee menyatakan bahawa seramai 70 atlet Pulau Pinang daripada 773 atlet yang mewakili Malaysia pada SEA Games 2019 berjaya menyumbang enam pingat emas, perak (57) dan gangsa (71).

"Saya juga ingin melahirkan perasaan bangga dengan pencapaian atlet-atlet yang telah melakar kejayaan dan senantiasa mengharumkan nama negara," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Jermal.

Hampir semua Exco Kerajaan Negeri menyertai majlis penyampaian berkenaan.



KETUA Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri merakam gambar kenangan bersama-sama barisan atlet serta waris masing-masing pada Majlis Penyampaian SKIMAS di sini baru-baru ini.

## Kata penerima:



OOI Hong Cherng.

**OOI TZE LIANG** yang menyumbangkan pingat emas dalam acara terjun 3 meter (m) Papan Anjal Seirama dan 3m Papan Anjal (lelaki) pada kejohanan Sukan SEA Ke-30 di Filipina merupakan penerima insentif terbanyak Skim Insentif Kemenangan Sukan (SKIMAS) iaitu berjumlah RM9,000.

Pada majlis penyampaian baru-baru ini, Tze Liang diwakili bapanya, Ooi Hong Cherng ekoran beliau kini sedang menuntut di Universiti Malaya dalam jurusan sains dan rekreasi.

Hong Cherng memaklumkan bahawa Tze Liang kini sedang giat menjalani latihan bagi melayakkan diri ke Sukan Olimpik Tokyo 2020, Jepun yang dijadualkan berlangsung pada 24 Julai hingga 9 Ogos ini.

"Sumbangan ini (SKIMAS) sedikit sebanyak dapat membantu Tze Liang untuk melakukan persiapan berkaitan.

"Sebagai bapa, saya sangat berbangga dengan pencapaian Tze Liang dan berharap beliau layak ke Sukan Olimpik demi mengharumkan nama negara dan Pulau Pinang khasnya," katanya ketika ditemui Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Seorang lagi anak Pulau Pinang yang turut cemerlang adalah atlet memanah bagi kategori Compound Berpasukan, **ZULFADHLI RUSLAN**, 28, yang menerima insentif bernilai RM1,500.

Zulfadhli yang juga diwakili oleh bapanya, Ruslan Md. Noor, 62, menyatakan bahawa minat anaknya dalam sukan memanah dikesan sejak kecil.

"Dari kecil, dia sukakan benda-benda yang memerlukan sasaran, kadang-kadang dia main tuju-tuju tin dan sebagainya.

"Kami memang selalu berikan dorongan, antaranya saya belikan beliau motosikal untuk memudahkannya menjalani latihan selain menyediakan kelengkapan memanah sehingga mencapai prestasi membanggakan ini," ujarnya yang hadir bersama-sama isterinya, Hamisah Wah, 59.

Tambah Ruslan, potensi Zulfadhli diintai oleh skuad memanah kebangsaan apabila beliau berjaya memecahkan rekod temasya Sukan Malaysia (SUKMA) Pahang pada 2012.

Dalam pada itu, atlet karate, **HOE THOMSON**, 27, dan gandingannya **OH THENG WEI**, 23, ketika ditemui menzahirkan rasa terima kasih kepada Kerajaan Negeri di atas inisiatif yang dikhaskan untuk anak jati Pulau Pinang tersebut.

"Menjadi atlet bukanlah suatu yang mudah kerana kita perlu tentukan apakah pencapaian yang ingin dikecapi. Latihan menjadi aspek utama, tambahan pula kami merupakan penuntut di universiti.

"Ketika mula menceburkan diri di dalam sukan ini, saya akui ia adalah agar sukar, dan kini seperti tidak percaya sudah sampai ke tahap ini hasil daripada dorongan ayah pada peringkat permulaan," ulasnya.

Manakala bagi Theng Wei, beliau mengakui SKIMAS mampu menjadi pemangkin kepada atlet untuk lebih berjaya pada masa hadapan.

"Saya sendiri berjanji akan tampil dengan lebih baik malah pada masa sama, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih tidak terhingga kepada jurulatih, tanpa beliau, adalah tidak mungkin saya berada pada tahap sekarang.

"Harapan saya, suatu hari nanti, sukan karate dapat disenaraikan sebagai salah satu acara di Sukan Komanwel yang merupakan temasya kedua terbesar di dunia, agar negara kita mampu menyinar serta menjadi penyumbang pingat," kata anak kelahiran Jelutong itu.



HOE Thomson (kiri) dan Oh Theng Wei.




RUSLAN Md. Noor (kiri) dan Hamisah Wah.




Oleh: **AZMI HUSSIN**

# Lawan COVID-19, Kerajaan Negeri komited!

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **ALVIE CHENG**



**KETUA Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri menyerahkan gaun pembedahan kepada wakil Hospital Pulau Pinang pada 18 Mac lalu.**

**GEORGE TOWN -** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow mengarahkan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) supaya mengetatkan lagi tindakan penguatkuasaan terhadap individu yang mengingkari pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan demi kepentingan semua pihak di Pulau Pinang.

Beliau berkata demikian pada sidang media yang disiarkan secara langsung (live) melalui laman Facebook beliau di *https://www.facebook.com/ChowKonYeow* pada 19 Mac 2020.

"Semalam (18 Mac), pihak berkuasa tempatan iaitu MBPP dan MBSP telah mengambil pendekatan sederhana terhadap pihak yang mengingkari Perintah Kawalan Pergerakan.

"Hal ini kerana, berkemungkinan ramai yang tidak tahu ataupun kurang faham ataupun tidak biasa dengan perintah tersebut memandangkan ia hari pertama pelaksanaannya.

"Saya juga telah menghadiri sesi taklimat yang diadakan oleh PBT serta mengarahkan MBPP dan MBSP untuk mengetatkan lagi tindakan penguatkuasaan terhadap mereka atau pihak yang mengingkari Perintah Kawalan Pergerakan," tegasnya.

Dalam pada itu, Kon Yeow turut menegaskan bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan sentiasa bekerjasama rapat dengan Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) bagi menangani penularan wabak COVID-19 secara bersama-sama termasuk makluman pembekalan peralatan perubatan di Hospital Pulau Pinang.

"Pagi ini (19 Mac), saya ada menerima hantaran mesej melalui *WhatsApp* bertajuk 'Mesej Daripada Doktor di Hospital Pulau Pinang' dan telah diviralkan.

"Saya dimaklumkan oleh Pengarah JKNPP bahawa ia adalah palsu dan tidak benar sama sekali.

"Sebagai Ketua Menteri, saya tidak membenarkan rakyat Pulau Pinang terancam oleh wabak ini dengan tidak mengambil tindakan tegas.

"Kerajaan Negeri akan terus bekerja keras bersama-sama seluruh rakyat Pulau Pinang bagi memerangi wabak COVID-19. Penang Lawan COVID-19," ujarnya.

Terdahulu, Kon Yeow memaklumkan bahawa beliau telah hadir ke Bilik Gerakan COVID-19 Negeri Pulau Pinang di Tingkat 7, Komtar yang mana Special Task Force COVID-19 dipengerusikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri bersiap siaga berkhidmat dalam tempoh 24 jam untuk bersama-sama rakyat di negeri ini bersepakat melawan wabak ini.

Malah, Kon Yeow turut menzahirkan penghargaan kepada para petugas barisan hadapan yang terlibat dalam memastikan operasi pentadbiran Kerajaan Negeri terus berfungsi.

Bagi mendapatkan maklumat lanjut yang sahih dan tepat, sila layari laman web *www.PenangLawanCovid19.com* atau *www.facebook.com/penanglawancovid19* atau hubungi hotline 04-262 1207 atau 04-262 1819.

# COVID-19: RM2.5 juta bantuan khas zakat

**SEBERANG JAYA -** Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) melalui Zakat Pulau Pinang (ZPP) akan mengagihkan RM2.5 juta atau RM500 seorang secara sekaligus, kepada 5,000 penjaja dan peniaga kecil dalam kalangan asnaf fakir dan miskin yang terjejas dek penularan wabak COVID-19 di negeri ini.

Mengulas lanjut, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman memberitahu bahawa pemohon boleh mendapatkan borang Skim Bantuan Khas Peniaga Kecil Asnaf Pulau Pinang MAINPP melalui sesawang *www.zakatpenang.com*.

"Borang pendaftaran boleh dimuat turun menerusi laman web ZPP bagi tujuan berkaitan.

"Ini, adalah sumbangan insentif ZPP dan MAINPP dalam membantu golongan asnaf berwajib yang terjejas teruk disebabkan COVID-19 dan ketika pelaksanaan Perintah Kewalan Pergerakan (dari 18 hingga 31 Mac 2020)," jelasnya yang juga Yang Dipertua MAINPP dalam sidang media di Ibu Pejabat ZPP dekat Bandar Perda pada 19 Mac 2020.


**IR. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman (tengah) pada sidang media di sini baru-baru ini.**

Mufti Pulau Pinang, Sohibus Samahah Dato' Seri Dr. Wan Salim Wan Mohamad Noor; Pengarah Jabatan Agama Islam Pulau Pinang (JAIPP), Zulkifli Long; Pengurus Besar ZPP, Amran Hazali dan beberapa Ahli Lembaga Pengurus ZPP lain turut sertai sidang media tersebut.

Ahmad Zakiyuddin yang juga Exco Hal Ehwal Agama Islam, Pembangunan Industri dan Perhubungan Masyarakat memberitahu bahawa pemohon mesti pekerja sepenuh masa; pendapatan bulanan kurang daripada RM2,000; tidak mempunyai simpana tunai melebihi RM5,000; bermastautin di Pulau Pinang dan hanya ketua keluarga layak menerima bantuan khas ZPP sekiranya lengkap mengisi borang pemohonan berwajib.

"Penjaja dan peniaga gerai makanan serta minuman di pasar malam; pasar tani, di tepi jalan jalan dan blok perumahan; peniaga pakaian (bukan butik) serta barang-barang keperluan...tukang gunting rambut kecil-kecilan boleh memohon bantuan khas ZPP ini.

"Peniaga di pasar basah atau pasar pagi tidak termasuk (layak menerima menerima) skim bantuan ini," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pinang Tunggal.









# Lawat tapak projek PPR, harap perkembangan positif

Gambar : **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI**

**BATU MAUNG** – Lawatan ke tapak Projek Perumahan Rakyat (PPR) oleh Jabatan Perumahan Negara (JPN) Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) menunjukkan suatu lembaran positif serta komitmen Kerajaan Persekutuan untuk terus memelihara kepentingan rakyat negeri ini.

Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo yang menyambut baik perkembangan positif tersebut berkata, sememangnya Pulau Pinang mengharapkan lebih perhatian khususnya terhadap isu pembinaan unit PPR di negeri ini.

Menurut beliau, Pulau Pinang merupakan antara negeri yang terendah menerima projek PPR iaitu 999 unit (0.83 peratus) sahaja berbanding 120,000 unit PPR di seluruh negara.

"Meskipun semua sudah maklum terhadap senario perkembangan politik terbaru, lawatan ini menunjukkan komitmen oleh Kerajaan Persekutuan untuk terus memelihara kepentingan rakyat Pulau Pinang.

"Sejak tahun 2018, kita (Kerajaan Negeri) telah mengemukakan lima plot tanah di kelima-lima daerah untuk dipertimbangkan Pusat (Kerajaan Persekutuan) bagi membina PPR di negeri ini.

"Melalui lawatan terbaru oleh wakil JPN KPKT ini, ia diharap akan membawa kepada satu keputusan positif untuk kelulusan pembinaan PPR.

"Mengikut perancangan, sebanyak 800 unit akan dibina di Jelutong membabitkan Daerah Timur Laut, DTL; 400 unit (Jalan Mayang Pasir, Mukim 12, Daerah Barat Daya, DBD); 450 unit (Ujung Batu, Seberang Perai Utara, SPU); 600 unit (Kampung Tongkang, Seberang Perai Tengah, SPT) dan 450 unit (Mukim 13, Batu Kawan, Seberang Perai Selatan, SPS) yang akan membawa kepada jumlah besar 2,700 unit keseluruhannya di tanah keluasan 72.3 ekar," ujarnya pada sidang media sebelum menemani pasukan JPN KPKT mengadakan lawatan tapak di Jalan Mayang Pasir, Mukim 12 dekat sini 13 Mac lalu.

Mengulas lanjut, Jagdeep memaklumkan bahawa pihaknya berharap bakal menerima maklum balas memberangsangkan hasil daripada lawatan tersebut.

"Selesai lawatan tapak dijalankan, mereka (JPN KPKT) akan balik buat kajian sama ada tapak-tapak yang telah dicadangkan bersesuaian ataupun tidak, dan seterusnya memberi laporan kembali kepada Pulau Pinang.

"Ia (tapak) adalah perkara teknikal yang perlu diberi perhatian terlebih dahulu untuk meneliti kesesuaiannya, kerana ini akan memberi impak kepada projek yang akan dibina kelak," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat.

Hadir sama, Ketua Penolong Setiausaha Kanan (Perumahan) Bahagian Perumahan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, 'Ainul Fadhilah Samsudi dan Rafidah Arshad (Ketua Penolong Pengarah Bahagian Perancangan Perumahan JPN KPKT).

Ketika ditanya berhubung kaedah pelaksanaan projek PPR berkenaan sama ada melalui (kaedah) sewa beli atau jualan kelak selepas diluluskan, Jagdeep dalam responsnya memberitahu bahawa ia akan dimuktamadkan kemudian.

"Walaupun Pulau Pinang sebenarnya lebih berminat dengan kaedah sewa beli, namun kita akan muktamadkannya kemudian serta melihat kaedah terbaik untuk diguna pakai.

"Secara dasarnya, saya sendiri ada menyuarakan pendirian bahawa kita (Pulau Pinang) boleh menerima cadangan jualan tetapi yang menjadi isu ialah harga yang ditetapkan… jika dilihat dalam ekologi perumahan perlu juga ada unit perumahan diberikan secara sewa beli untuk mereka yang tidak mampu.

"Ataupun sekiranya diluluskan kelak, melalui lima plot tanah ini, kita mungkin boleh bahagikan sebahagian menggunakan kaedah jualan dan sebahagian lagi kaedah sewa beli," ulasnya.



**JAGDEEP Singh Deo (duduk, berbaju putih) bersama-sama para wakil berkaitan pada majlis sidang media sejurus lawatan tapak cadangan projek PPR di sini baru-baru ini.**

## Sesi pendengaran awam draf RKK Bukit Bendera (Penggantian) mulai September

**GEORGE TOWN** – Sesi pendengaran awam bagi draf Rancangan Kawasan Khas (RKK) Bukit Bendera (Penggantian) dijadualkan pada September tahun ini.

Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo menyatakan bahawa mengikut Akta Perancang Bandar dan Desa 1976 (Akta 172), tempoh diperlukan untuk mengadakan sesi pendengaran awam adalah selama satu bulan.

"Walau bagaimanapun, tempoh tersebut boleh dilanjutkan sehingga dua bulan bagi mendapat maklum balas ataupun cadangan daripada umum berhubung draf tersebut.

"(Dan) kita (Kerajaan Negeri) menjangkakan RKK Bukit Bendera (Penggantian) dapat digazetkan sebelum penghujung tahun ini," ucapnya pada Sesi Perbincangan Kumpulan Fokus (FGD) bersama-sama jabatan serta agensi teknikal yang relevan dekat sini baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Jagdeep memaklumkan bahawa Jawatankuasa Perancang Negeri telah bersetuju dengan Terma dan Syarat RKK Bukit Bendera (Penggantian) pada 16 Ogos 2018.

"Syarikat Urban Scale Studio Sdn. Bhd. menandatangani surat penerimaan pada 12 Disember tahun lepas (2019) sebagai perunding bagi RKK Bukit Bendera (Penggantian).

"(Dan) tempoh penyediaan draf tersebut adalah selama 12 bulan sehingga penghujung tahun ini," katanya sambil menyatakan komitmen Kerajaan Negeri dalam melaksanakan RKK Bukit Bendera (Penggantian) bagi merancakkan lagi sektor pelancongan negeri.

Menurut Jagdeep, Sesi FGD yang diadakan adalah sebahagian daripada publisiti awal untuk mengumpul maklum balas dan data terperinci.

"Sesi FGD ini bukan sahaja membabitkan jabatan serta agensi teknikal, tetapi juga bakal melibatkan sama penduduk di Bukit Bendera, para peniaga dan operator hotel.

"Antara isu utama yang perlu diberi keutamaan adalah pemuliharaan kawasan tadahan air, langkah-langkah kawalan cerun, pemantauan pembangunan di Bukit Bendera dan cadangan jajaran kereta kabel supaya usaha menghasilkan RKK ini menjadi lebih mantap serta relevan mengikut keperluan semasa," jelasnya apabila disoal mengenai tujuan Sesi FGD diadakan.

Tambah Jagdeep, penyediaan RKK Bukit Bendera (Penggantian) berkenaan adalah mengikut Subseksyen 16B Akta 172 yang menggariskan bahawa sebarang pindaan atau pengubahan RKK adalah perlu disediakan dengan cara sama sebagaimana rancangan tempatan disediakan.

"RKK Bukit Bendera (Penggantian) ini akan menentukan bentuk pembangunan di Bukit Bendera, dan saya memandang serius akan perkara itu.

"Jumlah pengunjung yang direkodkan tahun lalu, 1.74 juta pengunjung memerlukan kita (Kerajaan Negeri) untuk terus memulihara serta membangunkan Bukit Bendera berlandaskan Visi Penang2030," ulasnya.

Dalam pada itu, Pengurus Besar Perbadanan Bukit Bendera, Dato' Cheok Lay Leng yang turut hadir pada Sesi FGD itu memberitahu bahawa pelaksanaan draf RKK Bukit Bendera (Penggantian) bakal mengambil kira rancangan pembangunan sebelum ini.

Malah, pihaknya juga menzahirkan komitmen dalam mengekalkan dan memulihara ekosistem dekat Bukit Bendera dekat samping memastikan elemen warisan serta sejarah terus terjaga untuk generasi akan datang.



**JAGDEEP Singh Deo (duduk, tengah) bersama-sama wakil daripada jabatan dan agensi teknikal yang turut serta dalam Sesi Perbincangan Kumpulan Fokus RKK Bukit Bendera (Penggantian) di sini baru-baru ini.**

# Pangsapuri Wakaf Siti & Hajjah Norijah mercu pembangunan wakaf negeri

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **ALISSALA THIAN**



IR. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman (barisan depan, dua dari kanan) dan Dr. Mujahid Yusof (barisan depan, tiga dari kanan) mengadakan lawatan ke salah sebuah reruai pameran sejurus menyempurnakan Majlis Penyerahan Kunci Pangsapuri Wakaf Siti dan Hajjah Norijah di sini baru-baru ini.

**PANTAI JEREJAK –** Wakaf Siti dan Hajjah Norijah yang terletak di Mukim 12 Daerah Barat Daya kini menjadi mercu tanda penempatan umat Islam di negeri Pulau Pinang.

Yang Dipertua (YDP) Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman berkata bahawa Lot 1093 dan Lot 1094 yang berkeluasan 1.57 ekar itu tersergam indah dengan adanya pangsapuri 14 tingkat.

"Sama seperti Wakaf Masjid Kapitan Keling, Wakaf Masjid Lebuh Acheh, Wakaf Alimsah Waley, Wakaf Seetee Aisah dan Wakaf Khan Mohamed…Wakaf Siti dan Hajjah Norijah juga dibangunkan sebagai penempatan bagi umat Islam (berkelayakan) di negeri ini.

"Inisiatif membangunkan tanah wakaf juga membolehkan umat Islam di negeri ini menikmati kemudahan kediaman yang kondusif bertepatan dengan Visi Penang2030 untuk meningkatkan taraf hidup serta kualiti hidup rakyat di Pulau Mutiara.

"Lagipun, ia juga bertepatan dengan usaha Kerajaan Negeri bagi memastikan kebajikan serta kesejahteraan rakyat terutamanya golongan asnaf dan mereka daripada kelompok B40 terus terpelihara," ujarnya pada Majlis Penyerahan Kunci Pangsapuri Wakaf Siti dan Hajjah Norijah dekat Sungai Nibong di sini 23 Februari lalu.

Hadir sama, mantan Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang juga Ahli Parlimen Parit Buntar, Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof; Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Abdul Razak Jaafar; Exco Perdagangan Antarabangsa & Dalam Negeri, Hal Ehwal Pengguna dan Pembangunan Keusahawanan, Dato' Abdul Halim Hussain dan Ketua Pengarah Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), Ruslan Said.

Mantan YDP MAINPP, Dato' Abdul Malik Abul Kassim; Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP), Zulkifli Long serta wakil-wakil dari Zakat Pulau Pinang, Pejabat Daerah dan Tanah Barat Daya, Wakaf Pulau Pinang (WPP), Yayasan Waqaf Malaysia (YWM), Yayasan Taqwa, Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia dan Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM) antara yang turut serta dalam majlis berkaitan.

Mengulas lanjut, Ahmad Zakiyuddin memberitahu bahawa pihaknya (MAINPP) juga sentiasa proaktif dalam membangunkan tanah-tanah wakaf demi kepentingan umat Islam di negeri ini.

"MAINPP merupakan pemegang tunggal semua harta wakaf dan sebagai pentadbir berlandaskan hukum syarak bagi memenuhi permintaan pewakaf.

"Malah, MAINPP juga bersungguh-sungguh mahu menyediakan penempatan yang selesa dan kondusif di negeri ini melalui perkongsian pintar dengan agensi-agensi berkaitan.

"Oleh itu, sekalung penghargaan serta ucapan terima kasih kepada Dato' Abdul Malik Abul Kassim yang telah merintis jalan pembangunan wakaf demi ummah di negeri ini," katanya yang juga Timbalan Ketua Menteri I Pulau Pinang.

Dalam pada itu, Mujahid memuji pentadbiran pihak berkuasa agama negeri Pulau Pinang yang sentiasa proaktif dalam memartabatkan umat Islam.

'Dalam Rancangan Malaysia Ke-11 lalu, Pulau Pinang menerima peruntukan wakaf tertinggi dalam negara.

"Hal ini kerana, pihak berkuasa agama di sini tidak henti-henti melakukan pelbagai pembaharuan dan pembangunan demi umat Islam di negeri ini.

"Malah, bagi Rancangan Malaysia Ke-12 ini, salah satu daripada empat projek pembangunan wakaf yang dimohon adalah di Pulau Pinang. Syabas dan tahniah MAINPP yang sentiasa proaktif demi umat Islam di sini," zahirnya.

Terdahulu, Ahmad Zakiyuddin dan Mujahid menyempurnakan penyerahan kunci rumah serta meluangkan masa melawat ke reruai pameran yang disertai oleh 15 agensi Persekutuan dan negeri termasuk gerai jualan oleh asnaf.

Sebagai rekod, Lot 1094 diwakafkan oleh Almarhumah Siti Abdul Rahman pada tahun 1937 disusuli dengan Lot 1093 kepunyaan anaknya, Hajjah Norijah Hassan pada 1961.

Tanah tersebut kemudiannya dimajukan dengan peruntukan berjumlah RM17.5 juta dibiayai oleh JAWHAR di bawah Rancangan Malaysia Ke-9, bagi mendirikan satu blok pangsapuri bertaraf kos sederhana rendah yang merangkumi 77 unit kediaman.

Selain itu, ia turut dilengkapi dengan kemudahan seperti empat unit kedai, satu unit pejabat pengurusan, taman permainan serta kawasan parkir bagi kereta dan motosikal demi keselesaan kepada penghuninya.

Difahamkan, sebanyak 52 dari 77 unit kediaman dijadikan premis sewaan dengan kadar sewa 30 peratus lebih rendah daripada harga pasaran. Manakala, 20 unit diperuntukan kepada asnaf yang diuruskan oleh Zakat Pulau Pinang dan lima unit dirizabkan bagi tujuan kecemasan.

*(Rujuk juga muka 15).*

## Naik taraf jalan persimpangan Plaza Tol Bukit Tambun urai kesesakan

**BUKIT TAMBUN –** Sejumlah RM333,882.25 diperuntukan oleh Kerajaan Negeri bagi projek naik taraf jalan di persimpangan Plaza Tol Bukit Tambun arah selatan sebagai inisiatif menangani masalah kesesakan lalu lintas dekat kawasan berkenaan.

Exco Kerja Raya, Utiliti dan Tebatan Banjir, Zairil Khir Johari berkata bahawa kesesakan lalu lintas di persimpangan plaza tol tersebut adalah berpunca daripada sambungan beberapa jalan utama antaranya, Jalan Bukit Tambun – Jeti Batu Kawan dan Jalan Tol Selatan.

"Projek Fasa 1 bermula pada 10 Julai 2019 dan siap dalam tempoh 20 minggu iaitu pada 29 November 2019 yang mana kerja-kerja menaik taraf melibatkan penambahan dua lorong di laluan keluar plaza tol menghala ke arah Batu Kawan.

"Selain itu, satu lorong ke Jalan Tol Selatan dari Plaza Tol Selatan juga diwujudkan di samping pengalihan struktur median, bebendul jalan serta perabot jalan seperti lampu jalan dan kamera litar tertutup (CCTV) di kawasan sekitar persimpangan Plaza Tol Selatan," ujarnya selepas mengadakan lawatan tapak di sini 19 Februari lalu.

Hadir sama, Ahli Parlimen Batu Kawan, P. Kasthuriraani; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Tambun, Goh Choon Aik serta wakil Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dan Jabatan Kerja Raya (JKR).

Menurut Zairil, sejak projek Fasa 1 disempurnakan, pemantauan oleh pihak berkaitan mendapati kesesakan lalu lintas di kawasan tersebut semakin terkawal terutamanya ketika waktu puncak.

"Hal ini kerana, melalui projek berkenaan, penambahan lorong dari satu kepada tiga (lorong) turut dibuat dan ini dapat mengawal kesesakan di sepanjang 100 meter sebelum persimpangan lampu isyarat di kawasan ini," katanya yang berpuas hati dengan projek naik taraf tersebut.



ZAIRIL Khir Johari (tiga dari kanan), Goh Choon Aik (kanan sekali) dan P. Kasthuriraani (berbaju biru) pada sidang media di sini baru-baru ini.

# Transformasi lorong belakang capai matlamat pembangunan mampan

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**GEORGE TOWN –** Projek transformasi lorong belakang di Tapak Warisan Dunia George Town dekat sini banyak menerima pujian daripada penduduk setempat, ujar Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow.

Menurut beliau, imej lorong belakang dan laluan pejalan kaki yang lazimnya gelap dan kotor kini telah berubah perspektif, lebih bersih, hijau serta selamat.

"Kebanyakan daripada penduduk setempat dan pelancong tidak percaya kawasan-kawasan (lorong) belakang serta sisi bangunan kini telah berubah imej.

"Semua ini bukan secara kebetulan, tetapi dengan reka bentuk yang menarik dan usaha keras Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) iaitu menaik taraf dan mencantikkan ruang-ruang ini," ujarnya ketika merasmikan laluan lorong belakang di Lebuh Ah Quee ke Lebuh Pitt di sini 29 Februari lalu.



KETUA Menteri sambil diiringi Teh Lai Heng (barisan depan kiri sekali), Ar. Yew Tung Seang (barisan depan dua dari kanan) dan Ir. Addnan Mohd. Razali (berkemeja hitam) melawat sekitar sejurus majlis perasmian laluan lorong belakang di Lebuh Ah Quee ke Lebuh Pitt di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar merangkap Setiausaha Politik Kepada Ketua Menteri, Teh Lai Heng, Dato' Ar. Yew Tung Seang (Datuk Bandar MBPP), Dato' Ir. Addnan Mohd. Razali (Setiausaha Bandaraya) dan Ahli-Ahli Majlis pihak berkuasa tempatan (PBT) berkaitan.

Menurut Kon Yeow yang juga ADUN Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Tanjong, MBPP memperuntukkan sekitar RM280,000 bagi tujuan penaiktarafan lorong berkenaan.

"Walaupun menggunakan perbelanjaan kecil iaitu berjumlah kira-kira RM280,000, namun kesan dan impaknya adalah sangat besar... saya gembira mendengar pandangan positif penduduk sekitar terutamanya.

"Umumnya, ia bukan hanya untuk mewujudkan landskap yang lebih menarik, hijau serta bersih tetapi transformasi kawasan ini menjadikan orang ramai berasa lebih selamat untuk menggunakan lorong belakang apabila ia turut dilengkapi dengan kamera litar tertutup (CCTV) dan lampu jalan.

"Ia adalah satu projek baik yang melibatkan penyertaan masyarakat sekaligus mencapai matlamat pembangunan mampan yang menjadi fokus Kerajaan Negeri," jelasnya.

Difahamkan bahawa sejak 2017, MBPP telah menaik taraf sebanyak 1.7 kilometer (km) lorong belakang.

Dalam pada itu, Tung Seang menyatakan bahawa MBPP mensasarkan untuk menaik taraf 9km lorong belakang dengan tempoh jangkaan siap dua hingga tiga tahun akan datang.

"Setakat ini, sejumlah 1.7km lorong belakang telah dinaik taraf, dan bakinya (1.3km) akan cuba dilaksanakan tahun ini.

"Apabila 9km ini selesai, kawasan George Town akan mempunyai kira-kira 10 ekar ruang hijau.

"Ia bukan sahaja cantik, hijau dan selamat seperti kata Ketua Menteri, sebaliknya bakal mewujudkan bandar yang mesra berbasikal kepada komuniti," katanya.



TRANSFORMASI lorong belakang di Lebuh Ah Quee ke Lebuh Pitt yang siap dinaik taraf.

# Dr. Norlela angkat sumpah sebagai Exco



DR. Norlela Ariffin mengangkat sumpah sebagai Exco pada majlis yang berlangsung di Seri Mutiara dekat sini baru-baru ini.

**GEORGE TOWN –** Dr. Norlela Ariffin, secara rasmi mengangkat sumpah sebagai Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Negeri Pulau Pinang pada 12 Mac lalu.

Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Penanti mengangkat sumpah jawatan sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan di hadapan Yang Dipertua Negeri (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas dekat Seri Mutiara di sini.

Turut hadir pada Istiadat Pengurniaan Surat Cara Pelantikan dan Istiadat Mengangkat Sumpah Jawatan dan Setia serta Sumpah Simpan Rahsia tersebut ialah Toh Puan Majimor Shariff.

Hadir sama, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow dan isteri, Puan Tan Lean Kee; barisan Exco; Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Abdul Razak Jaafar; Pegawai Kewangan Negeri, Dato' Sarul Bahiyah Abu; Penasihat Undang-undang Negeri, Dato' Norazmi Mohd. Narawi; Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) dan ketua-ketua jabatan berkenaan.

Pelantikan Norlela adalah bagi menggantikan Dr. Afif Bahardin yang juga ADUN Seberang Jaya yang meletak jawatan berkuat kuasa 4 Mac lalu.

Dalam pada itu, ketika ditemui, Norlela melahirkan rasa syukur di atas pelantikan tersebut.

"Terima kasih kepada Ketua Menteri yang telah menerima pencalonan daripada PKR (Parti Keadilan Rakyat) dan kepada pihak parti (PKR) yang telah mencalonkan saya sebagai Exco (wanita) Keadilan (PKR) pertama di Pulau Pinang.

"Alhamdulillah sekarang sudah ada dua Exco wanita di Pulau Pinang, saya berharap dapat menjalinkan kerjasama baik dengan YB Chong Eng (Exco Pembangunan Wanita, Keluarga, Keterangkuman Gender dan Agama Selain Islam) dan semua Exco-Exco Kerajaan Negeri yang lain," ujarnya.



# Komited sedia RMM untuk rakyat, juga boleh didiami

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**BAGAN JERMAL -** Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang akan terus memberi sokongan dan membantu syarikat-syarikat pemaju swasta yang berhasrat untuk melaksanakan projek pembinaan rumah mampu milik (RMM).

Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo berkata, langkah itu adalah demi memastikan pembekalan RMM cukup untuk memenuhi permintaan rakyat yang layak di Pulau Pinang.

"Keutamaan kita (Kerajaan Negeri Pakatan Harapan) adalah untuk memastikan terdapat projek perumahan mampu milik (RMM) untuk semua rakyat Pulau Pinang.

"Dan, apabila kita (Kerajaan Negeri) tahu bahawa terdapat syarikat-syarikat pemaju hartanah dan perumahan swasta yang ingin membantu, kami (Kerajaan Negeri) akan pastikan dan jadikan (projek pembinaan RMM) layak (didiami), berdaya maju dan praktikal untuk kalian datang ke negeri ini.

"Projek (The Park @ Mak Mandin) ini adalah bukti," ucapnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat pada Majlis Penyerahan Sijil Siap dan Pematuhan (CCC) The Park @ Mak Mandin di sini pada 29 Februari lalu.

Menurut Jagdeep, projek The Park @ Mak Mandin yang dibina oleh syarikat pemaju Silver Channel Sdn. Bhd. (Silver Channel) adalah suatu lagi simbol Kerajaan Negeri bagi memastikan rakyat mampu mendiami RMM yang lebih selesa.

"Ia (The Park @ Mak Mandin) bukan hanya menyediakan rumah mampu milik, malah kami (Bahagian Perumahan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri) juga mesti memastikan bahawa rumah itu boleh didiami (oleh rakyat yang layak)," katanya yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pembersihan dan Peningkatan Mutu Proses Pemilihan Perumahan (SPEC).

Dalam perkembangan berkaitan, Jagdeep memberitahu bahawa sehingga kini sejumlah 103,721 unit rumah telah dibina, sedang dibina dan telah diluluskan untuk dibina di negeri ini.

Justeru, beliau menyatakan bahawa dasar perumahan yang digariskan Kerajaan Negeri selama ini berada di atas 'landasan betul'.

Selain itu, Jagdeep turut menyentuh isu sektor perumahan yang bergerak perlahan belakangan ini, sebagaimana dibangkitkan oleh syarikat-syarikat pemaju perumahan tertentu.



**PEMANDANGAN dari luar perumahan pangsapuri mampu milik The Park @ Mak Mandin.**

"Saya telah menerima aduan daripada syarikat pemaju perumahan bahawa ekonomi lembab dan sukar untuk menjual rumah.

"Biar saya memberi respons di sini, jika pemaju disyor ikut saranan kita (untuk membina RMM, bukan rumah mewah) dan kembangkan (projek pemajuan) rumah mampu milik, kalian tidak akan menyesal.

"Saya dimaklumkan bahawa projek The Park @ Mak Mandin 100 peratus sudah dijual.

"Jika kalian (pemaju perumahan) mahu terus membina rumah yang bernilai RM1 juta atau RM1.5 juta, anda membina rumah-rumah (mewah tersebut) atas risiko kalian sendiri.

"Walhal, kalian boleh menjual rumah jika kalian membina rumah mampu milik, (Kerajaan) Negeri akan menyokong untuk (projek pembinaan RMM) ini kerana ia adalah untuk rakyat," ulasnya.

Sebelum itu, Pengerusi Silver Channel, Datuk Musa Mustakim menyatakan bahawa syarikatnya menerima CCC empat bulan lebih awal berbanding jadual asal pelaksanaan projek pemajuan tersebut.

"(Silver Channel) ke Pulau Pinang ini dengan serampang dua mata, iaitu, pertama, untuk memindahkan penduduk setinggan ke rumah yang lebih selamat serta selesa; dan kedua, membolehkan generasi akan datang memiliki rumah mampu milik di lokasi strategik dekat (kawasan Parlimen) Bagan.

"Dibina di tanah seluas 10 ekar, The Park @ Mak Mandin adalah projek perumahan yang munasabah (iaitu) harga jualan bagi setiap unit hanya RM247,000 dan pemilik rumah dapat menikmati 1,002 kaki persegi, rumah tiga bilik tidur yang luas.

"(Di The Park @ Mak Mandin) juga disediakan kemudahan seperti kolam renang dengan saiz separa (kolam) 'olimpik', pemasangan kabel fiber obtik internet, kawasan kediaman berpagar dengan (perkhidmatan) pengawal keselamatan," ujarnya.

Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee yang juga ADUN Bagan Jermal; Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar merangkap ADUN Sungai Puyu, Phee Boon Poh; Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Dato' Sr. Rozali Mohamud dan Timbalan Pengurus Besar Perbadanan Ketua Menteri, (CMI), S. Bharathi antara pemimpin Kerajaan Negeri yang hadir dalam majlis penyerahan CCC tersebut.



**JAGDEEP Singh Deo (tengah) dan barisan pemimpin Kerajaan Negeri Pakatan Harapan sambil memegang replika kunci rumah merakam gambar kenangan bersama-sama wakil syarikat pemaju serta para pembeli rumah dalam Majlis Penyerahan CCC The Park @ Mak Mandin di sini baru-baru ini.**



**KOLAM renang bersaiz separuh kolam olimpik yang terdapat di sini.**

## Pulau Pinang terima Ketua Polis baharu

**GEORGE TOWN –** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow menerima kunjungan hormat daripada Ketua Polis Pulau Pinang baharu dilantik, Komisioner Polis Datuk Sahabudin Abd. Manan di sini pada 9 Mac lalu.

Turut mengiringi beliau ialah Ketua Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti (JPJKK), Senior Asisten Komisioner Zundin Mahmood dan Senior Asisten Komisioner Zailan Tansir (Ketua Jabatan Pengurusan IPK Pulau Pinang).

Kunjungan hormat tersebut adalah bertujuan memperkasakan lagi hubungan kerjasama di antara Polis Diraja Malaysia (PDRM) dengan Kerajaan Negeri terutamanya membabitkan isu-isu keselamatan.

Dalam pertemuan tersebut, Kon Yeow turut berkongsi beberapa isu semasa serta inisiatif-inisiatif yang telah dijalankan sebelum ini di peringkat negeri bagi mempertingkatkan lagi keselamatan dan lalu lintas semasa.

Menurut beliau, meskipun Pulau Pinang mempunyai kamera litar tertutup (CCTV) terkini yang menggunakan sistem pengecaman wajah, namun dalam usaha memerangi jenayah di negeri ini, Kerajaan Negeri kini turut memfokuskan pendekatan menambah baik fungsi CCTV sedia ada.

"Rancangan kita (Kerajaan Negeri) untuk tahun ini dan dua tahun seterusnya adalah bukan menambah CCTV baru, sebaliknya 'tambah baik' fungsi CCTV sedia ada dengan menggunakan ciri-ciri terbaru.

"Malah, di peringkat pihak berkuasa tempatan (PBT) juga, Pulau Pinang kini mempunyai seramai 70 Warden Trafik bagi membantu kelancaran lalu lintas di sini," ujarnya sambil melahirkan harapan agar PDRM akan terus menjadi pemegang taruh penting dalam Mesyuarat Majlis Keselamatan Negeri (MKN).



**KETUA Menteri berjabat tangan dengan Sahabudin Abd. Manan (kiri) pada sesi kunjungan hormat di sini baru-baru ini.**

Hadir sama, Setiausaha Politik Kepada Ketua Menteri merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Teh Lai Heng dan Setiausaha Sulit Kanan kepada Ketua Menteri, Muhamad Azrai Mohamad Zaini.

Sahabudin merupakan Timbalan Pengarah 1 Jabatan Logistik dan Teknologi Bukit Aman sebelum dilantik sebagai Ketua Polis Pulau Pinang berkuat kuasa 4 Mac lalu bagi menggantikan Komisioner Polis Datuk T. Narenasagaran yang bersara wajib baru-baru ini.

# Sertai koperasi demi jana lebihan pendapatan

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**



ZAKARIA Md. Jusoh (dua dari kiri) mengadakan lawatan ke reruai pameran sejurus Majlis Perasmian Karnival Usahawan & Koperasi dan Pengguna Timur Laut di sini baru-baru ini.

**TANJUNG BUNGA** – Pengerusi Suruhanjaya Koperasi Malaysia Pulau Pinang (SKMPP), Zakaria Md. Jusoh menyasarkan sekurang-kurangnya 30 peratus penduduk Pulau Pinang berdaftar sebagai ahli koperasi.

Menurut beliau, pendekatan tersebut adalah penting bagi memastikan kira-kira 500,000 penduduk di negara ini mempunyai peluang bagi menjana lebihan pendapatan.

"Daripada 500,000 individu ini, sekiranya dapat kumpul RM2,000 syer maka kita (SKMPP) akan memperoleh modal syer sebanyak RM1 bilion.



SEBAHAGIAN usahawan yang mengambil bahagian.

"Dengan jumlah ini, pelbagai aktiviti berskala besar dapat dijalankan dan adalah menjadi perancangan saya untuk menjadikan rakyat Pulau Pinang sebagai anggota koperasi yang mana kemungkinan suatu hari nanti, kita boleh tubuhkan koperasi sendiri iaitu Koperasi Rakyat Penang Berhad (KOPEN)," ucapnya pada penganjuran Karnival Usahawan & Koperasi dan Pengguna Timur Laut di sini 1 Mac lalu.

Hadir sama, Guru Besar Sekolah Kebangsaan (SK) Tanjung Tokong, Mohd Shukri Din dan Pegawai Sains Pusat Racun Negara, Universiti Sains Malaysia (USM), Rosman Ahmad.

Mengulas lanjut, Zakaria menyatakan bahawa usaha 'mengkoperasikan' penduduk umumnya menjadi tanggungjawab SKMPP khususnya dalam usaha meningkatkan taraf hidup rakyat setempat.

"Langkah ini mampu membangunkan sosioekonomi rakyat selain dapat mengurangkan kos sara hidup terutamanya bagi golongan berpendapatan rendah (B40)," jelasnya.

# JOM sertai Sukarelawan Belia!



SOON Lip Chee (tengah, berkot), barisan kepimpinan Kerajaan Negeri, dif-dif jemputan, wakil-wakil berkaitan dan para peserta merakam gambar kenangan sejurus Majlis Pelancaran Orientasi Program Sukarelawan Belia di sini baru-baru ini.

**GEORGE TOWN** – Seramai 300 belia telah mendaftar di bawah program Sukarelawan Belia kelolaan Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC) yang mula diperkenalkan sejak tahun lalu.

Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee berkata, program yang terbuka kepada golongan belia berumur di antara 15 hingga 35 tahun dan menetap di Pulau Pinang tersebut adalah bagi membolehkan golongan muda berbakti kepada masyarakat.

"Program ini memainkan peranan amat penting dalam menggilap bakat serta sifat kepimpinan untuk kepentingan masa hadapan dalam kalangan belia.

"Malah, kepada mereka yang berumur 35 tahun dan ke atas, penyertaan turut dialu-alukan iaitu menjadi mentor kepada golongan belia dalam bidang kepakaran tertentu," ujarnya pada majlis pelancaran orientasi program berkaitan di sini 1 Mac lalu.

Hadir sama, Timbalan Dekan (Akademik, Kerjaya dan Antarabangsa) Universiti Sains Malaysia (USM), Dr. Abdul Hadi Zulkafli dan Dekan Pusat Pengajian Pengurusan USM, Prof. Dr. Noor Hazlina Ahmad.



# Forest Bathing Hutan Pelajaran Air Hitam Dalam promosi eko-pelancongan

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **MBSP**

**SUNGAI DUA –** Kira-kira 50 kakitangan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) serta penduduk setempat menyertai acara mandi rimba *(forest bathing)* di Hutan Pelajaran Air Hitam Dalam pada 29 Februari 2020.

Penolong Pengarah Kanan Jabatan Landskap MBSP, Siti Fatimah Ismail memberitahu bahawa pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan sedang gigih mempromosi kawasan rekreasi tersebut sebagai salah satu produk eko-pelancongan negeri terutama di bahagian Seberang Perai.

Selain mandi rimba, menurut beliau, pengunjung boleh menikmati serta mengenali pelbagai spesies flora paya darat seperti pokok putat, ara jangkang dan nipah yang tumbuh liar di sini.

Serentak itu, tambah Siti Fatimah, pengunjung juga berpeluang untuk melihat pelbagai spesies fauna air paya darat seperti memerang, monyet, biawak dan pelbagai burung 'migrasi' dari luar negara yang singgah pada musim-musim tertentu di sini.

"Hutan Pelajaran Air Hitam Dalam ini juga termasuk dalam senarai tempat eko-pelancongan yang MBSP cuba promosi kepada pengunjung tempatan serta pelancong asing.

"Tujuan kita (MBSP) menganjurkan aktiviti senam, mandi rimba dengan berjalan atas jambatan merentasi kawasan paya darat ini adalah untuk mempromosikan lagi kawasan rekreasi berkenaan sebagai produk pelancongan dalam kalangan keluarga kakitangan MBSP.

"Pada masa depan, kita (MBSP) harap Hutan Pelajaran Air Hitam Dalam mampu menjadi salah satu destinasi eko-pelancongan pilihan utama, terutama untuk mereka yang gemar aktiviti mandi rimba dan pemerhati burung migrasi serta spesies-spesies fauna lain," ucapnya dalam penganjuran Program Forest Bathing 2020 di sini.

Selepas itu, Siti Fatimah mewakili Datuk Bandar MBSP menyempurnakan acara pelepasan aktiviti mandi rimba berkaitan.

Difahamkan, kawasan Hutan Pelajaran Air Hitam Dalam seluas kira-kira 11 hektar itu adalah bersempadan dengan dua buah sungai iaitu Sungai Kereh dan Sungai Air Hitam.

Jambatan gantung dengan ketinggian kira-kira 210 meter (m) merupakan antara ikon tarikan pengunjung ke kawasan eko-pelancongan di sini.



PARA peserta Program Forest Bathing 2020 merakam gambar kenangan.



PARA peserta mandi rimba merentasi titi gantung setinggi 210m yang menjadi salah satu ikon menarik Hutan Pelajaran Air Hitam Dalam.




SITI Fatimah Ismail menyampaikan ucapan perasmian Program Forest Bathing 2020 di Hutan Pelajaran Air Hitam Dalam baru-baru ini.



DARI ketinggian 210m, dirakamkan gambar para peserta mandi rimba berjalan melalui jejantas merentasi kawasan paya darat di sini.



# Rehabilitasi dan pembangunan semula TPSJ, pertama dalam negara

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**GEORGE TOWN –** Tapak Pelupusan Sampah Jelutong yang dibangunkan pada tahun 1970-an bakal melalui proses rehabilitasi dan pembangunan semula dengan kos mencecah RM1 bilion.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, Kerajaan Negeri Pulau Pinang bersama-sama Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) dan PLB Engineering Berhad (PLBEB) memeterai Perjanjian Pembangunan Bersama (JDA) bagi penutupan selamat dan pembangunan semula Tapak Pelupusan Sampah Jelutong (TPSJ).

"Perjanjian ini merangkumi tiga komponen utama iaitu projek penutupan selamat di Tapak Pelupusan Sampah Jelutong; penyediaan tapak baharu kekal bagi pelupusan sisa binaan *(construction and demolition waste)* serta *marine clay* dan pembangunan baharu di tapak yang telah direhabilitasi.

"Perjanjian hari ini juga menumpukan terhadap usaha Kerajaan Negeri untuk memulih dan menghijaukan persekitaran negeri Pulau Pinang selaras dengan Visi Penang2030.

"(Dan) ia juga merupakan yang pertama seumpamanya di Malaysia melibatkan proses rehabilitasi dan pembangunan semula di tapak pelupusan sampah," ujarnya pada sidang media di sini 21 Februari lalu.

Kon Yeow yang mewakili Kerajaan Negeri menandatangani dokumen perjanjian berkaitan bersama-sama Pengerusi Ekskutif PLBEB, Datuk Seri Ong Choo Hoon.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman; Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy; Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Abdul Razak Jaafar; barisan Exco Kerajaan Negeri; Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan), Dato' Azhar Arshad; Pengurus Besar PDC, Dato' Mohd. Bazid Abd. Kahar serta barisan ex-officio Kerajaan Negeri.

Pengarah Eksekutif PLBEB, Datuk Ong Guan Beng serta wakil PLBEB antara yang turut serta menyaksikan Majlis Menandatangani JDA berkaitan di sini.

Mengulas lanjut, Kon Yeow memaklumkan bahawa cadangan yang dikemukakan oleh PLBEB telah membolehkan syarikat berkaitan dipilih menerajui projek ini.

"Kerajaan Negeri telah mengiklankan *Request for Proposal* (RFP) pada 12 Mac 2015 dan ditutup pada 14 September 2015.

"Setelah melalui proses perolehan Kerajaan Negeri, Surat Setuju Terima telah dikeluarkan kepada PLBEB pada tahun 2017 dan sejak itu proses memuktamadkan JDA giat dilakukan.

"Dijangkakan keseluruhan pembangunan di kawasan ini (TPSJ) akan mengambil masa 15 tahun yang mana proses bagi memperoleh kelulusan Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) daripada Jabatan Alam Sekitar (JAS) akan mengambil masa antara sembilan hingga 24 bulan.

"Ini tertakluk kepada kerja-kerja yang dilakukan oleh perunding dan JAS berhubung impak sosial dan impak alam sekitar di kawasan sekeliling.

"Dijangkakan kerja-kerja fizikal bagi proses rehabilitasi tapak pula akan mengambil masa sehingga lima tahun sebelum disusuli dengan pembangunan semula di tapak tersebut," jelasnya yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi.

Difahamkan, kos keseluruhan proses rehabilitasi ditanggung sepenuhnya oleh PLBEB.



KETUA Menteri bersama-sama Mohd. Bazid Abd. Kahar (duduk, tengah) dan Ong Choo Hoon (duduk, kanan sekali) menyempurnakan majlis menandatangani dokumen perjanjian berkaitan di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, Kon Yeow berkata, pihak PLBEB perlu menyerahkan 25 peratus atau kira-kira 85 ekar tanah yang telah direhabilitasi kepada Kerajaan Negeri dan akan ditentu guna kelak.

"Selain itu, tanah tambahan antara lima hingga 10 ekar juga dijangka akan ditebus semula di kawasan pinggir tapak pelupusan tersebut bagi membolehkan kerja-kerja pemulihan dilaksanakan termasuk mewujudkan dinding sempadan, tambatan dan platform kerja.

"(Dan) 30 peratus daripada tanah tambahan itu juga perlu diserahkan kepada Kerajaan Negeri," katanya.

Menjawab soalan pemberita berhubung kelewatan memeterai perjanjian, Kon Yeow memberitahu bahawa terdapat banyak isu teknikal yang memerlukan perincian sebelum menandatangani JDA.

"PLBEB perlu mencari tapak alternatif untuk sisa binaan dan lempung laut (sejenis enapan lantai laut) atau *marine clay* yang mana tapak sementara dikenal pasti di Pulau Burung.

"Walau bagaimanapun, ia hanya boleh bertahan selama lima tahun dan tapak kekal perlu dibangunkan segera," responsnya.

Sebagai rekod, tapak di TPSJ telahpun dibiarkan untuk stabil sejak tahun 2010 bagi tujuan rehabilitasi.





KONSEP BARU SYURGA DENGAN PEMANDANGAN LAUT

5% Diskaun Untuk Bumiputera

Pindah Masuk Dengan RM 1,000 Sahaja*

Hak Milik Kekal

Reinvent Spaces. Enhance Life.

MahSing | THE EDGE Top Property Developers Awards 2019 | starproperty.my AWARDS2019 THE ALL-STAR AWARD TOP RANKED DEVELOPERS OF THE YEAR | BCI ASIA AWARDS 2019 TOPTEN DEVELOPERS 2019

Southbay Sales Gallery
No.1 Southbay City, Jalan Permatang Damar Laut, 11960 Bayan Lepas, Penang.
Show Units Open Daily: 10am - 6pm

04 291 3109
ferringhiresidence2.com

Uptrend Housing Development Sdn Bhd (918195-D) (Pemilik Keseluruhan Subsidi Mah Sing Group Berhad) No, 1, Southbay City, Jalan Permatang Damar Laut, 11960 Bayan Lepas, Penang, Malaysia. Tel: 604-291 3109 Faks: 604-628 8189 • Ferringhi Residence 2 • No. Lesen Pembangun: 12324-2/07-2020/02333(L) • Tempoh Pengesahan: 02/07/2019-01/07/2020 • No. Permit Pengiklanan dan Penjualan: 12324-2/07-2020/02333(P) • Tempoh Pengesahan: 02/07/2019-01/07/2020 • Kelulusan Pihak Berkuasa: Majlis Bandaraya Pulau Pinang • No. Kelulusan Pelan Bangunan: MBPP/OSC/PB (8284)/15(LB) • Jenis Pembangunan: Kondominium • Jumlah Unit: 478 • Jumlah Tempat Letak Kereta: 1788 • Bilangan tempat letak kereta: 1788 • Jenis A & Jenis E – 2 unit, Jenis B – 2 atau 3 unit • Bebanan Tanah: Affin Bank Berhad • Jangkaan Tarikh Selesai: July 2020 • Tempoh Pajakan Tanah: Hak Milik Kekal • Harga Jualan: RM 719,816 (min), RM 1,461,460 (maks). • IKLAN INI TELAH DILULUSKAN OLEH JABATAN PERUMAHAN NEGARA.

# PEKA sasar 40 kelas tuisyen percuma




**SYERLEENA Abdul Rashid (lapan dari kanan) merakam gambar kenangan bersama-sama barisan wakil terlibat, ahli-ahli jawatankuasa penganjur dan para pelajar pada penganjuran kelas tuisyen percuma KADUN Seri Delima di sini baru-baru ini.**

Teks & Gambar : **NORSHAHIDA YUSOFF**

**SERI DELIMA –** Penggerak Komuniti Muda (PEKA) mensasarkan 40 kelas tuisyen percuma ditubuhkan di seluruh Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) membabitkan seluruh Pulau Pinang pada tahun ini.

Terbaru, inisiatif tersebut dilancarkan di KADUN Seri Delima membabitkan kelas tuisyen percuma kepada pelajar Tahun 6 yang bakal menduduki Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) tahun ini.

Ahli Dewan Undangan Negerinya (ADUN), Syerleena Abdul Rashid ketika pelancarannya memberitahu bahawa golongan yang diberi keutamaan berhubung inisiatif pendidikan percuma tersebut adalah pelajar-pelajar daripada golongan isi rumah berpendapatan rendah (B40) di kawasan berkenaan.

"Setakat ini, kita mempunyai kira-kira 15 pelajar, dan penyertaan masih dibuka kepada pelajar yang berminat serta mereka yang layak.

"Di sini, tuisyen percuma ini akan memfokuskan kepada subjek sains dan matematik yang mana ia adalah selaras dengan kepentingan pendidikan STEM (Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik)," ujarnya ketika ditemui di kelas tuisyen berkaitan dekat sini 1 Mac lalu.

Hadir sama, Penghulu Daerah Timur Laut, Nazrizal Nasib dan Penyelaras PEKA, Mohd. Hazizi Padzil.




**SUASANA pembelajaran.**

Difahamkan, tuisyen percuma tersebut akan diadakan pada hari Ahad setiap minggu dan tenaga pengajar berpengalaman dilantik oleh pihak PEKA.

Manakala, kos-kos lain seperti penyediaan tempat yang sesuai dan sebagainya ditaja oleh ADUN setempat.

Tuisyen tersebut adalah inisiatif khas Kerajaan Negeri Pulau Pinang bersama-sama PEKA sejak dari tahun 2017 bagi memberikan perkhidmatan pendidikan percuma kepada pelajar yang memerlukan.

## Naik taraf gelanggang futsal galak budaya bersukan

**PERMATANG PASIR –** Kerajaan Negeri Pulau Pinang memperkenalkan projek '1 KADUN (Kawasan Dewan Undangan Negeri), 1 Futsal' bagi menggalakkan gaya hidup sihat dalam kalangan masyarakat di negeri ini.

Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee berkata, bagi mencapai objektif tersebut Kerajaan Negeri mengambil langkah menaik taraf gelanggang futsal di setiap KADUN bagi kegunaan masyarakat setempat.

"Terbaru, kita memilih untuk menaik taraf gelanggang futsal di Permatang Ara yang dijangka mengambil masa kira-kira 10 minggu untuk disempurnakan oleh pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) dan pihak kontraktor terlibat.

"Oleh itu, saya ingin menyeru penduduk dan pengguna kemudahan sukan ini untuk menjaga kemudahan sedia ada dengan baik," ucapnya pada majlis perasmian pembinaan gelanggang futsal dekat Permatang Ara di sini 29 Februari lalu.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Permatang Pasir, Muhammad Faiz Fadzil.

Mengulas lanjut, Lip Chee memaklumkan bahawa kos bagi penaiktarafan gelanggang futsal berkenaan adalah kira-kira RM278,000 dan dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri.

"Justeru, kita juga mengalu-alukan penyertaan daripada pihak swasta menerusi program tanggungjawab sosial korporat (CSR) untuk menaik taraf lebih banyak kemudahan sukan di negeri ini," serunya yang juga ADUN Bagan Jermal.

Dalam pada itu, Muhammad Faiz ketika ditemui menyatakan bahawa kemudahan gelanggang futsal tersebut bakal dibuka secara percuma kepada penduduk untuk bulan pertama apabila siap kelak.

"Bagi bulan-bulan yang seterusnya, caj akan dikenakan dan kunci boleh diambil di Pusat Khidmat KADUN Permatang Pasir," jelasnya.

| Nama ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.26 PADANG KOTA**<br>YAB Chow Kon Yeow<br>chowkonyeow@penang.gov.my | (T) 04 - 226 0218<br>(F) 04 - 226 0218 |
| **N.03 PINANG TUNGGAL**<br>YB Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman | (T) 04 - 575 6526<br>(F) 04 - 575 6526 |
| **N.16 PERAI**<br>YB Prof. Dr. P. Ramasamy<br>ramasamy@penang.gov.my | (T) 04 - 383 9131<br>(F) 04 - 383 9131 |
| **N.07 SUNGAI PUYU**<br>YB Phee Boon Poh<br>pheeboonpoh@penang.gov.my;<br>pheeboonpoh@yahoo.com | (T) 04 - 262 0860<br>012 - 480 5495<br>(F) 04 - 261 8745 |
| **N.12 PENANTI**<br>YB Dr. Norlela Ariffin<br>norlela.ariffin@gmail.com | (T) 04 - 538 2871<br>(F) 04 - 538 4871 |
| **N.15 PADANG LALANG**<br>YB Chong Eng<br>chong.eng@penang.gov.my | (T) 04 - 530 3028<br>(F) 04 - 530 3028 |
| **N.29 DATO' KERAMAT**<br>YB Jagdeep Singh Deo<br>jagdeepsinghdeo@penang.gov.my | (T) 04 - 226 2464<br>(F) 04 - 227 2464 |
| **N.37 BATU MAUNG**<br>YB Dato' Haji Abdul Halim Hussain<br>pusatkhidmatn37@gmail.com | (T) 04 - 626 1442<br>(F) 04 - 626 1442 |
| **N.08 BAGAN JERMAL**<br>YB Soon Lip Chee | (T) 04 - 331 0163 |
| **N.22 TANJONG BUNGA**<br>YB Zairil Khir Johari | (T) 04 - 890 3866 |
| **N.34 PAYA TERUBONG**<br>YB Yeoh Soon Hin | (T) 04 - 827 8868<br>(F) 04 - 827 8868 |
| **N.28 KOMTAR**<br>YB Teh Lai Heng<br>komtar@dappg.org | (T) 04 - 227 7068<br>(F) 04 - 227 7068 |
| **N.02 BERTAM**<br>YB Khaliq Mehtab Mohd. Ishaq | (T) 013 - 430 6400<br>(P) 04 - 576 7606 |
| **N.06 TELOK AYER TAWAR**<br>YB Mustafa Kamal<br>mustafakamal.mkba@gmail.com | (T) 04 - 351 1732 |
| **N.09 BAGAN DALAM**<br>YB Satees A/L Muniandy<br>n9.bagandalam@gmail.com | (T) 04 - 313 3990 |
| **N.10 SEBERANG JAYA**<br>YB Dr. Afif Bahardin | (T) 04 - 390 5109<br>(F) 04 - 390 5109 |
| **N.11 PERMATANG PASIR**<br>YB Muhammad Faiz Bin Fadzil<br>faizfadzilamanah@gmail.com | (T) 04 - 521 1106 |
| **N.13 BERAPIT**<br>YB Heng Lee Lee<br>berapit@dappg.org | (T) 017 - 813 3509<br>(F) 04 - 540 0006 |
| **N.14 MACHANG BUBOK**<br>YB Lee Khai Loon<br>kllee78@gmail.com | (T) 013 - 399 0519<br>(F) 04 - 551 1442 |
| **N.17 BUKIT TENGAH**<br>YB Gooi Hsiao-Leung<br>gooihsiaoleung@penang.gov.my | (T) 04 - 507 5001<br>(F) 04 - 507 5001 |
| **N.18 BUKIT TAMBUN**<br>YB Goh Choon Aik | (T) 04 - 502 5818<br>(F) 04 - 506 2138 |
| **N.19 JAWI**<br>YB H'ng Mooi Lye<br>jawi@dappg.org | (T) 04 - 594 1163<br>(F) 04 - 594 3163 |
| **N.20 SUNGAI BAKAP**<br>YB Dr. Amar Pritpal Abdullah<br>ybadunsungaibakapn20@gmail.com | (T) |
| **N.21 SUNGAI ACHEH**<br>YB Zulkifli Ibrahim<br>n21adunsgacheh@gmail.com | (T) |
| **N.23 AIR PUTIH**<br>YB Lim Guan Eng<br>limguaneng@penang.gov.my | (T) 04 - 829 0614 |
| **N.24 KEBUN BUNGA**<br>YB Jason Ong Khan Lee<br>kebunbunga24@gmail.com | (T) 04 - 826 5451<br>(F) 04 - 826 5451 |
| **N.25 PULAU TIKUS**<br>YB Lee Chun Kit<br>pulautikus@dappg.org | (T) 04 - 228 5298<br>(F) 04 - 229 4294 |
| **N.27 PENGKALAN KOTA**<br>YB Gooi Zi Sen<br>pengkalankota@dappg.org | (T) 04 - 250 1522<br>(F) 04 - 250 1523 |
| **N.30 SUNGAI PINANG**<br>YB Lim Siew Khim<br>limsiewkhim@penang.gov.my | (T) 04 - 657 6630<br>(F) 04 - 658 6630 |
| **N.31 BATU LANCANG**<br>YB Ong Ah Teong<br>batulancang@dappg.org | (T) 04 - 280 4411<br>(F) 04 - 280 4422 |
| **N.32 SERI DELIMA**<br>YB Syerleena Abdul Rashid<br>32seridelima@gmail.com | (T) 04 - 659 5611<br>(F) 04 - 659 5611 |

| NAMA ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.33 AIR ITAM**<br>YB Joseph Ng Soon Siang<br>airitam@dappg.org | (T) 04 - 829 9143 |
| **N.35 BATU UBAN**<br>YB Kumaresan A/L Aramugam<br>kumar.harapan35@gmail.com | (T) 04 - 668 1062<br>(F) 04 - 668 1062 |
| **N.36 PANTAI JEREJAK**<br>YB Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail | (T) |
| **N.38 BAYAN LEPAS**<br>YB Azrul Mahathir Aziz<br>ambasegaria.aam@gmail.com | (T) 04 - 649 3976<br>(F) 04 - 649 3976 |
| **N.39 PULAU BETONG**<br>YB Haji Mohd. Tuah Ismail | (T) 04 - 866 0214 |
| **N.40 TELUK BAHANG**<br>YB Zolkifly Md. Lazim | (T) |
| **DAP PENANG HQ**<br>dappg@streamyx.com | (T) 04 - 228 8482<br>(F) 04 - 228 8514 |
| **PKR PENANG HQ** | (T) 04 - 397 0115 |
| - | (T) |

| NAMA ADUN PEMBANGKANG | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.01 PENAGA**<br>YB Ustaz Yusni Mat Piah | (T) |
| **N.04 PERMATANG BERANGAN**<br>YB Nor Hafizah Othman | (T) |
| **N.05 SUNGAI DUA**<br>YB Muhamad Yusoff Mohd. Noor | (T) |

| PEGAWAI PENYELARAS KADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.01 PENAGA**<br>Md. Khalil Salleh<br>novafast63@gmail.com | (T) 012 - 598 4881 |
| **N.04 PERMATANG BERANGAN**<br>Azmi bin Alang<br>annzaley15@gmail.com | (T) 017 - 585 5457<br>019 - 444 6600 |
| **N.05 SUNGAI DUA**<br>Mohd. Taupek bin Abd. Rahman<br>hajifek@gmail.com | (T) 019 - 415 3850 |

## Talian Kecemasan & Perkhidmatan Awam

| | |
|---|---|
| POLIS, AMBULANS, BOMBA & PENYELAMAT | 999 |
| DIREKTORI TELEFON | 103 |
| OPERATOR ANTARABANGSA | 101 |
| HOTLINE MBPP | 04-263 7637 |
| ANGKATAN PERTAHANAN AWAM | 04-228 9012 |
| BIRO PENGADUAN AWAM | 04-263 6893 |
| SEKRETARIAT KERAJAAN NEGERI | 04-262 1957 |
| KASTAM | 04-262 2300 |
| IMIGRESEN | 04-250 3419 |
| WCC (*Women's Centre for Change*) | 04-228 0342 |
| Pusat Perkhidmatan Wanita (Seberang) | 04-398 8340 |
| EPF | 04-226 1000 |
| SOCSO | 04-238 9888 |
| JPJ | 04-656 4131<br>04-398 8809 |
| JABATAN PENDAFTARAN | 04-226 5161 |
| *PENANG GLOBAL TOURISM (PGT)* | 04-263 1166 |
| *TOURISM MALAYSIA* | 04-261 0058 |
| KERETAPI BUKIT BENDERA | 04-828 8880 |
| FERI (GEORGETOWN) | 04-210 2363 |
| ( BUTTERWORTH) | 04-310 2377 |
| JAMBATAN PP | 04-398 7419 |
| STESEN KERETAPI BUTTERWORTH | 04-261 0290 |
| PERSATUAN PERLINDUNGAN KANAK-KANAK | 04-829 4046 |
| CAP | 04-829 9511 |
| BEFRIENDERS PENANG | 04-281 5161<br>04-281 1108 |
| PERPUSTAKAAN PP | 04-229 8555 |

## Kalendar Pelancongan




Program-Program Emas Kerajaan Negeri Pulau Pinang

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MBSP 2020

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MBSP | 04 - 549 7555 |
| Ahmad Rizal Abd. Hamid | 019 - 464 6696 |
| Anuar Yusoff | 016 - 461 6390 |
| A'ziss Zainal Abidin | 017 - 938 9192 |
| Chee Yeeh Keen | 019 - 455 7731 |
| Cheen Goon Hooi | 012 - 402 0923 |
| David Marshel a/l Pakianathan | 019 - 412 3397 |
| Dr. Seow Kweng Tian | 012 - 507 2229 |
| Fahmi Zainol | 018 - 232 2502 |
| Galaimani a/l Subramnian | 012 - 534 1384 |
| Heng Yeh Shuan | 016 - 261 2460 |
| Jason Raj a/l Kirupanantha | 014 - 905 8113 |
| Khong Chee Seong | 011 - 1522 6628 |
| Marshidaliza Marzuki | 011 - 3929 9023 |
| Mohd Saifullah Abd. Nasir | 013 - 770 1001<br>013 - 503 3349 |
| Muhamad Suzuki Ahmad | 011 - 1119 4419 |
| Ong Jing Cheng | 012 - 758 3779<br>016 - 445 5709 |
| Ooi Yong Wooi | 016 - 421 1196 |
| Shuhada Abdul Rahim | 010 - 380 7672 |
| Siti Shahanis Md. Sharif | 010 - 369 5641 |
| Tan Chee Teong | 012 - 401 7718 |
| Tan Cheong Heng | 012 - 487 3101 |
| Tan Choo Eng | 019 - 448 4344<br>04 - 323 2679 |
| Wong Chee Keet | 012 - 451 1312 |
| Zainuddin Mohamed | 012 - 479 4200 |

## SENARAI PEGAWAI-PEGAWAI PEMBANTU KEWARGANEGARAAN PULAU PINANG

| Bil. | Nama | Daerah | Pejabat / Unit Kewarganegaraan | No. Telefon |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Yeap Choon Keong | Timur Laut | Pejabat Bahagian Kewarganegaraan Pulau Pinang, Tingkat 3, KOMTAR. | 013 - 449 0366 |
| 2. | Velan A/L Kalimuthu | Barat Daya | | 018 - 394 4537 |
| 3. | K. Krishnasamy | Seberang Perai Utara | | 012 - 488 1553 |
| 4. | P. Rachenamoorthy | Seberang Perai Tengah | | 019 - 457 2271 |
| 5. | U. Jagatisan | Seberang Perai Selatan | | 010 - 563 2279 |

**Nota:**
**Orang awam dipohon menghubungi Pegawai-Pegawai Pembantu Kewarganegaraan untuk menetapkan temujanji masing-masing.**

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MBPP 2020

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MBPP | 04 - 259 2020 |
| Abdul Latif Mohamad | 012 - 248 5016 |
| Ahmad Azrizal Tahir | 019 - 541 4818 |
| Alan Lim Wei Lun | 017 - 343 3995 |
| Andrew Chua Thian Chai | 016 - 485 0031 |
| Azahari Aris | 016 - 499 2580 |
| Azly Ibrahim | 011 - 2432 9007 |
| Francis a/l Joseph | 012 - 474 3321 |
| Haji Mohamed Yusoff Mohamed Noor | 019 - 413 8114 |
| Hari Krishnan a/l Ramakrishnan | 010 - 505 5571 |
| Harvindar Singh a/l Darshan Singh | 012 - 428 2250 |
| Ir. Zulfikar Ali Shri Abdul Aziz | 019 - 470 0357 |
| Kaliyappan a/l P. Renganathan | 012 - 407 7276 |
| Lee Wei Seang | 012 - 452 8305 |
| Mohd Suhairi Arumugam Abdullah | 016 - 521 3369 |
| Muhamad Khairul Mohd Ali | 012 - 542 0520 |
| Nor Afni Md. Yusuff | 019 - 547 8460 |
| Nur Zarina Zakaria | 011 - 1578 5098 |
| Rohaizat Hamid | 019 - 510 0075 |
| Shung Yin Ni | 012 - 413 9246 |
| Tan Chiew Choon | 019 - 470 4499 |
| Tan Hooi Peng | 012 - 498 6212 |
| Tan Soo Siang | 012 - 475 2453 |
| Theng Jie Wey | 016 - 418 7108 |
| Wong Yuee Harng | 016 - 439 9121 |


## SIDANG REDAKSI BULETIN MUTIARA

**Penulis:**
YAP LEE YING
AINUL WARDAH SOHILLI
ZAINULFAQAR YAACOB
NORSHAHIDA YUSOFF
WATAWA NATAF ZULKIFLI
SUNARTI YUSOFF

**Jurugambar/Juruvideo:**
LAW SUUN TING
ALISSALA THIAN
AHMAD ADIL MUHAMAD
DARWINA MOHD. DAUD
ALVIE CHENG CHIN WEI
NOOR SITI NABILAH NOORAZIS
CHAN KOK KUAN
ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI

**Jurugrafik:**
IDZHAM AHMAD
NUR AFIQAH ZAINUDI



Bagi sebarang maklum balas, sila hantar ke:
**Editor BULETIN MUTIARA,**
Tingkat 47, Komtar, 10503 Penang
Telefon : 04-650 5468 ; Fax : 04-261 5923
Email: buletinmutiara.bpkn@gmail.com



**Layari**
www.buletinmutiara.com
buletinmutiara | ChowKonYeow
chowkonyeow
@chowkonyeow



KANAK - KANAK tidak melepaskan peluang mengambil bahagian dalam acara larian bendang.

# Fiesta Sukan Bendang kembalikan nostalgia bersawah



GELAGAT para peserta panjat tiang licin.



PERTANDINGAN mengukir buah-buahan antara acara yang berlangsung pada penganjuran Fiesta Sukan Bendang dekat Kampung Tok Tuntung di sini baru-baru ini.

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **NUR AFIQAH ZAINUDI**

**SUNGAI ACHEH –** Fiesta Sukan Bendang yang diadakan dekat Kampung Tok Tuntung di sini berlangsung penuh meriah dengan disertai kira-kira 500 pengunjung yang terdiri daripada pelbagai lapisan umur serta latar belakang.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Acheh, Zulkifli Ibrahim berkata bahawa penganjuran pesta selama satu hari itu dapat mengembalikan semula nostalgia rakyat terhadap aktiviti bersawah masyarakat Melayu suatu ketika dahulu.

"Penganjuran acara seumpama ini mampu memberi pendedahan berguna kepada orang ramai khususnya generasi muda untuk melihat dan merasai sendiri pengalaman yang tidak dapat diperoleh di tempat lain.

"Serentak itu, acara sebegini juga secara tidak langsung dapat mengeratkan silaturahim antara pengunjung serta dapat membendung gejala tidak sihat dalam kalangan remaja seperti penyalahgunaan dadah dan merempit," katanya sejurus majlis penutup pesta berkenaan pada 22 Februari lalu.

Turut hadir, ADUN Sungai Bakap, Dr. Amar Pritpal Abdullah; Pegawai Daerah bagi Daerah Seberang Perai Selatan (SPS), Yazman Yahya; Pegawai Khas kepada Timbalan Ketua Menteri I, Amin Abdullah serta ramai lagi.

Mengulas lanjut, Zulkifli memaklumkan bahawa dengan mengambil kira sambutan hangat ditunjukkan penduduk setempat, pihaknya bercadang menjadikan pesta tersebut sebagai program tahunan.

Difahamkan, sebanyak 11 acara disertai pengunjung antaranya lari dalam bendang, panjat tiang licin, perlawanan pukul bantal, menangkap itik, mengukur kelapa dan menangkap ikan keli.

Selain itu, beberapa program membabitkan agensi-agensi kerajaan turut diadakan antaranya Pejabat Penerangan Daerah (JaPen) Seberang Perai Selatan melalui Skuad Mobile JaPen SPS untuk memberi informasi terkini.

Acara bertambah meriah apabila Zulkifli tanpa segan silu turut sama turun ke bendang bagi sama-sama memeriahkan acara berkenaan.



GELAGAT sekumpulan kanak-kanak yang mengambil bahagian dalam acara perlawanan pukul bantal.

# Semarak kesedaran umum berhubung fungsi wakaf

**MAJLIS** Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) pada 12 Februari 2016 menubuhkan Wakaf Pulau Pinang Sdn. Bhd. (WPPSB) atas tujuan meningkatkan kualiti pengurusan aset serta manfaat berkaitan wakaf di negeri ini.

Dua tahun kemudian, MAINPP menganjurkan Hari Wakaf Pulau Pinang 2018 dengan acara perasmian disempurnakan oleh Tuan Yang Terutama (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas sendiri demi menyemarak lagi kesedaran orang awam terhadap fungsi serta tanggungjawab melaksanakan ibadah wakaf berkenaan.

Setelah empat tahun berlalu, Buletin Mutiara (BM) cuba mendapatkan perkembangan terbaru WPPSB dalam memartabatkan agenda Islam dan umat Melayu di negeri ini.

Ikuti wawancara eksklusif wartawan, **ZAINULFAQAR YAACOB** dan juru gambar, **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI** dengan Pengurus Besar WPPSB, **TUAN HAJI ROSIDI HUSSAIN** pada 8 Mac 2020.

**BM: Boleh Tuan Haji jelaskan secara umum mengenai kedudukan WPPSB ini?**

**ROSIDI:** Pertama sekali, terima kasih kerana memberi ruang publisiti kepada WPPSB ini.

Sebagai pengenalan, MAINPP ditubuhkan menurut kuasa Seksyen 4 Undang-Undang Pentadbiran Islam Tahun 1959 (Pindaan 2004) bagi menasihati Yang Dipertuan Agong dalam perkara berkaitan dengan agama Islam.

Sebelum wujudnya MAINPP ini, pentadbiran berkaitan wakaf berdasarkan Hindu And Muslim Endowment Board 1901.

Selepas itu, MAINPP pada akhir tahun 1980-an hanya mewujudkan bahagian-bahagian pentadbiran secara khusus bagi mengawal selia hal ehwal pentadbiran.

**BM: Jadi, di mana pula kedudukan WPPSB ini?**

**ROSIDI:** Secara mudah, punca kuasa boleh wujudnya WPPSB ini sudah tentu disebabkan wujudnya MAINPP sendiri.

Wakaf Pulau Pinang ini adalah antara agensi Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP).

Kalau kita tengok struktur organisasi MAINPP sendiri sebelum ini, ada Bahagian Wakaf.

Jadi, sebahagian tugas Bahagian Wakaf MAINPP itu diletakkan sebagai tugas dan tanggungjawab WPPSB.

**BM: Apakah fungsi serta tanggungjawab WPPSB?**

**ROSIDI:** Misi WPPSB adalah menguruskan harta wakaf dengan efisien melalui urus tadbir berintegriti dan berhemah demi masa depan ummah.

Moto WPPSB pula adalah 'Menjana Ekonomi Ummah Menerusi Pembangunan Harta Wakaf'.

Setakat hari ini, tugas serta peranan utama WPPSB antaranya adalah mengumpul serta mengisi dana wakaf tunai daripada orang awam.

Kedua, Wakaf Pulau Pinang bertanggungjawab mengutip sewa premis-premis berkaitan wakaf di Pulau Pinang, meliputi bahagian Seberang Perai dan bahagian pulau.

**BM: Adakah 'banyak' harta wakaf yang di bawah tanggungjawab serta seliaan WPPSB ini?**

**ROSIDI:** Aset WPPSB di Pulau Pinang adalah cukup besar dan banyak, hartanah yang berpotensi untuk dibangunkan sahaja adalah sebanyak 254,157 ekar tanah wakaf.

Premis wakaf juga ada banyak, kira-kira hampir 1,000 premis wakaf.

Premis-premis wakaf ini ada tiga jenis iaitu jenis premis kediaman wakaf, premis komersial wakaf dan juga tanah kosong.

**BM: Boleh Tuan Haji jelaskan dengan lebih lanjut mengenai moto WPPSB iaitu 'Menjana Ekonomi Ummah Menerusi Pembangunan Harta Wakaf'?**

**ROSIDI:** Sebagaimana dijelaskan sebelum ini, satu lagi tugas dan tanggungjawab WPPSB adalah berkaitan pembangunan aset-aset wakaf yang dilihat berpotensi untuk mengembangkan sosio-ekonomi umat tanpa mengabaikan hak-hak para penerima wakaf.

Antaranya, WPPSB membangunkan rumah-rumah kediaman, pusat-pusat komersial, membina menara telekomunikasi di atas tanah-tanah wakaf sedia ada, pembinaan papan iklan besar di lokasi-lokasi tanah yang strategik.

Tujuannya adalah untuk mengembangkan potensi wakaf selain untuk manfaat para penerima wakaf.

Jadi, peranan WPPSB adalah melaksanakan sebahagian tugasan serta tanggungjawab MAINPP.

**BM: Bagaimana pula bentuk-bentuk program kesedaran awam berhubung peri penting ibadah wakaf yang dianjurkan oleh WPPSB?**

**ROSIDI:** Aktiviti dalam masa terdekat ini antaranya adalah menganjurkan program promosi fungsi dan tanggungjawab WPPSB secara agresif.

WPP mengatur siri pertemuan dengan rakan-rakan pintar yang pelbagai agar lebih ramai pihak mengenali institusi ini.

Hubungan strategik dibuat dengan pihak swasta dan pihak Kerajaan turut dilakukan oleh WPPSB untuk menyemarak lagi kesedaran orang ramai kepada ibadah wakaf.

WPPSB sasar membuat pembentangan mengenai realiti serta kesedaran wakaf di Pulau Pinang dengan saling berkongsi pengalaman pemberi-pemberi wakaf yang lama dan telah meninggalkan aset dalam bentuk wakaf.

Antaranya, wakaf Masjid Kapitan Keling, Wakaf Melayu Lebuh Acheh, Wakaf Alimsah Walley, Wakaf Seetee Aisha dan baru-baru ini Wakaf Siti dan Hajjah Norijah di Sungai Nibong.

Itu semua adalah contoh-contoh pemberi wakaf yang telah meninggalkan aset wakaf untuk diuruskan secara bersama-sama oleh WPPSB dan MAINPP.

**BM: Bagi Tuan Haji, bagaimanakah kaedah supaya orang awam terutama umat Islam boleh melihat WPPSB ini sebagai satu lagi institusi negeri yang berintegriti dan efisien di Pulau Pinang?**

**ROSIDI:** Pada bulan Ramadan ini, Wakaf Pulau Pinang akan menganjurkan Hari Wakaf pada 10 hari akhir sebelum Syawal.

TYT dijadual hadir pada majlis tersebut untuk mewakili MAINPP dan WPPSB bagi menerima wakaf daripada badan-badan korporat.

Pada masa sama, WPPSB kira hasil sumbangan melalui aset wakaf sedia ada, itu akan diberikan kepada penerima-penerima wakaf yang layak.

Contohnya pada tahun lepas, Masjid Kapitan Keling mendapat hasil RM340,000; Wakaf Seetee Aisha Masjid Permatang Janggus dekat Permatang Pauh (RM80,000); begitu juga dengan Majlis Melayu Lebuh Acheh dan lain-lain.

Dengan adanya program-program seumpama ini, ia mampu memberi kesedaran bahawa betapa pentingnya memberi wakaf melalui WPPSB untuk tujuan akhirat.

Exco Hal Ehwal Agama Islam, Pembangunan Industri dan Perhubungan Masyarakat, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman yang juga Yang DiPertua MAINPP sendiri selalu mengingatkan WPPSB tidak perlu melihat daripada aspek keuntungan.

Sebaliknya, menurut Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin yang juga Timbalan Ketua Menteri I, WPPSB ada tanggungjawab serta fungsinya tersendiri kepada para pemberi wakaf, juga para penerima manfaat wakaf yang layak.

Sehingga kini, paling kurang ada dua pembentangan dibuat oleh WPPSB dengan beberapa pihak, ataupun kunjungan hormat dengan agensi-agensi berwajib.

Baru-baru ini umpamanya, Wakaf Pulau Pinang membuat pembentangan dengan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan juga Jabatan Kerja Raya (JKR).

Sebelum ini, WPPSB pernah membuat pembentangan kepada Jabatan Penjara dan Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang (PPAPP), juga syarikat-syarikan pemaju, firma insurans dan institusi-institusi perbankan.

Semua ini adalah sebahagian daripada program perkongsian pintar yang dibuat WPPSB.



**ROSIDI** Hussain.

**BM: Apakah cabaran paling utama dalam mereputasi WPPSB ini sebagai institusi efisien bagi pengurusan aset wakaf?**

**ROSIDI:** Cabarannya ada banyak.

WPPSB kena beritahu kepada orang awam kenapa ibadah wakaf ini perlu dilakukan melalui Wakaf Pulau Pinang?

Maka, kita kena tunjukkan kepada orang awam mengenai rekod pengurusan aset wakaf secara sistematik dan integriti.

Di luar sana, kalau tanggungjawab menguruskan aset wakaf ini diberikan kepada pihak swasta, soal kepercayaan akan dibangkitkan - seperti wakaf permaidani, wakaf Al-Quran, wakaf paip air di Kemboja, orang awam tidak dapat tahu sejauh mana wang atau barang berharga yang diwakafkan melalui pihak swasta sampai kepada penerima wakaf yang layak.

**BM: Sebagai Pengurus Besar WPPSB, apa harapan serta impian Tuan Haji dalam membangunkan sektor wakaf negeri?**

**ROSIDI:** Di Pulau Pinang, ketika ini aset wakaf sudah hampir RM3 bilion, dikatakan antara terbanyak bukan sahaja di Malaysia, bahkan Asia Tenggara.

Kalau tidak ada aset wakaf terutama di bandar raya George Town ini, kemungkinan kebudayaan dan identiti orang Islam di tengah-tengah bandar raya ini tidak begitu ketara seperti hari ini.

Kalau tidak ada pemberi wakaf Masjid Kalitan Keling 200 tahun dahulu, umpamanya, kemungkinan orang Islam tidak ada di sekitar kawasan komersial itu pada hari ini.

Bagi saya, pengurusan wakaf tidak boleh dilihat sebagai institusi mempunyai peranan yang kecil, seperti amalan sedekah dan sebagainya.

Kalau dilihat di luar negara, sampai ada kementerian khusus untuk mengurus berkaitan wakaf. Kementerian wakaf di luar negara terutama di rantau Arab.

Kementerian Wakaf yang diwujudkan di negara-negara Arab kalau ingin dinisbahkan dengan kementerian yang ada di Malaysia ini seumpama Kementerian Kewangan dan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi.

Maksudnya, soal wakaf ini sebenarnya sungguh luas serta besar peranan dan tanggungjawabnya.

Sebab itu MAINPP memikirkan perlu ada suatu badan iaitu WPPSB yang memberi tumpuan kepada aspek pengurusan aset wakaf di negeri ini.

# Coretan usaha PWDC memperkasa jurang dan keterangkuman gender



SEBAHAGIAN daripada pemimpin JPWK merakamkan gambar kenangan bersama-sama Ketua Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri yang lain baru-baru ini.



KETUA Menteri, Chong Eng (lima dari kanan) dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri pada Majlis Pelancaran Dasar Keterangkuman Gender.

**Tahun** 2019 menyaksikan banyak "pertama" di Pulau Pinang dalam usaha keterangkuman gender dan merapatkan jurang gender di negeri ini.

Negeri Pulau Pinang merupakan negeri pertama di Malaysia mengguna pakai Dasar Keterangkuman Gender. Dasar ini merupakan instrumen strategik untuk mengarusperdanakan gender dalam program-program dan projek-projek yang dilaksanakan oleh jabatan dan agensi kerajaan negeri dengan mengambil kira perspektif gender.

Dua strategi teras dalam Dasar Keterangkuman Gender ialah pelaksanaan *Gender Responsive and Participatory Budgeting* atau GRPB dan Pengurusan Seimbang Gender. Pendekatan GRPB menegaskan supaya perancangan bajet perlu responsif dan melibatkan pemegang taruh, terutamanya pihak komuniti yang berkenaan. Perancangan dan pelaksanaan program atau projek adalah berpandukan 'Kelompok Berlainan, Keperluan Berbeza'. Sementara itu, Pengurusan Seimbang Gender bertumpu kepada nisbah komposisi penjawatan iaitu 40:40:20 yang bermaksud penjawatan harus menjadi 40% wanita, 40% lelaki dan bakinya dibuka kepada golongan wanita dan lelaki yang berkelayakan supaya pandangan wanita dan lelaki dipertimbangkan dan tiada satu gender mendominasikan keputusan yang diambil. Setelah satu siri bengkel pembinaan kapasiti untuk penjawat awam, Penang Women's Development Corporation, PWDC kini berganding bahu dengan jabatan dan agensi kerajaan dalam merangka pelan tindakan untuk mendukung Dasar Keterangkuman Gender.

Begitu juga dengan penubuhan Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga (JPWK) yang tidak pernah berlaku dalam sejarah di negara kita. Setiap JPWK KADUN mempunyai 15 wanita dan tujuan utama JPWK adalah untuk menganjur program atau projek untuk pembangunan wanita dan keluarga seperti kursus keibubapaan, bengkel ekonomi wanita, program kewangan, seminar tentang hak wanita dan kanak-kanak dan bengkel kepimpinan. Pelantikan 600 pemimpin wanita dari pelbagai latar belakang telah mewujudkan peluang untuk golongan wanita tampil ke hadapan dan mengasahkan kepimpinan mereka. EXCO Pembangunan Wanita & Keluarga, Keterangkuman Gender dan Agama Selain Islam, YB. Chong Eng menetapkan halatuju JPWK, sementara PWDC telah dipertanggungjawabkan untuk membimbing dan memantau JPWK dalam hal-hal operasi, pelaksanaan program serta belanjawan.

Untuk membina kapasiti AJK JPWK dan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK), PWDC telah menganjurkan 14 Bengkel Pembangunan Kepimpinan yang disertai oleh 412 AJK JPWK dan 348 AJK MPKK sepanjang tahun 2019.

Kempen Sambutan Hari Wanita Sedunia atau International Women's Day (IWD) dan Penang Goes Orange (PGO) terus mendapat sambutan hangat daripada pelbagai lapisan masyarakat. Sambutan IWD2019 sepanjang bulan Mac mengiktirafkan pencapaian dan sumbangan wanita dalam dunia teknologi, ekonomi, sosial dan poltik. Di sebaliknya PGO2019 menekankan tindakan yang boleh diambil oleh orang ramai dalam menghapus semua bentuk keganasan terhadap wanita dan anak perempuan, terutamanya keganasan seksual.

Kajian tempatan dan antarabangsa telah mengenalpasti bahawa satu faktor utama golongan wanita meninggal dunia pekerjaan adalah atas sebab penjagaan anak-anak.




SESI Dialog, *'Can Childcare @WorkPlace be a Reality?'* yang dimoderatorkan oleh Ketua Pegawai Eksekutif PWDC, Ong Bee Ling (kanan sekali).

Apabila pasangan mempunyai anak, biasanya ibu yang berhenti kerja untuk menjaga anak. Isu ini mungkin boleh diatasi jika terdapat pusat penjagaan kanak-kanak di tempat kerja. Buat julung kali, PWDC berjaya bekerjasama dengan TalentCorp dan JCI Pearl untuk mengadakan satu dialog industri bertajuk *"Childcare @ Workplace: A Business Imperative?"* yang telah menarik minat syarikat pembuatan dan perkhidmatan, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGOs) dan agensi-agensi kerajaan dalam mempromosikan keperluan dan kepentingan kemudahan penjagaan anak-anak di tempat kerja.

Buat pertama kali juga Sambutan Hari Keluarga diadakan untuk memupuk nilai kekeluargaan dalam kalangan masyarakat. Sambutan diserikan dengan aktiviti-aktiviti menarik seperti sesi bercerita, eksplorasi, kongsi tanggung jawab dan sesi perbincangan panel. Seramai 1,034 peserta telah menyertai sambutan tersebut.

Dari sudut yang lain, Pulau Pinang adalah negeri pertama yang melaksanakan satu dasar untuk membolehkan komuniti setempat mengambil alih kontrak pembersihan di kawasan tempat tinggal. Usaha tersebut memberikan rasa pemilikan dan kelebihan kepada komuniti untuk menjaga kawasan persekitaran mereka tersendiri. Kontrak pembersihan ini juga membuka peluang kepada komuniti setempat termasuk golongan wanita mendapat pekerjaan dan menambah sumber pendapatan keluarga.

Projek Eko-kraf juga diadakan untuk menghasilkan seni kraf seperti beg dan bakul yang menggunakan barangan kitar semula. Projek ini membantu menjana sumber pendapatan wanita. Itu adalah tujuan utama PWDC mengadakan bengkel membuat kraftangan sebab ia bukan semata-mata mempelajari kemahiran membuat kraf, tetapi yang penting memperolehi pendapatan tambahan.

Secara keseluruhannya bagi tahun 2019, PWDC telah berjaya melibatkan 20,742 peserta dengan nisbah 60 peratus wanita dan 40 peratus lelaki melalui 192 bengkel, sesi perbincangan, forum dan aktiviti-aktiviti setempat.

Penubuhan PWDC yang hampir sedekad di Pulau Pinang diharap dapat terus berkhidmat untuk masyarakat, melalui kerjasama strategik dengan rakan-rakan kongsi, ke arah mencapai kesaksamaan gender dan keadilan sosial.




SEKILAS berhubung pencapaian PWDC.

# TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627 Fax : 04-2613453
Layarilah Laman Web : http://www.penang.gov.my

**Pentadbiran ini dalam usaha mengesan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.**

**(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)**

No Akaun : 11361
Peminjam : NUR SYARAFINA BINTI MUSTAZA - 87081207****
NO. 4 LORONG BAGAN LALANG 19, TAMAN BAGAN LALANG 13400 BUTTERWORTH
Penjamin 1 : MUSTAZA BIN ZAINOL ABIDIN - 60060507****
B-0-3 TINGKAT MAYANG PASIR 11950 BAYAN BARU, PULAU PINANG
Penjamin 2 : ROZILI BIN HASHIM - 67032306****
5-5-20 KRISTAL IDAMAN, LEBUH BUKIT KECIL 6, 11950 PULAU PINANG

No Akaun : 11362
Peminjam : NUR IZNI BINTI MUSTAZA - 89080707****
B-0-3 TINGKAT MAYANG PASIR, BAYAN BARU 11950 PULAU PINANG
Penjamin 1 : SOBEHAH BINTI SAADIN - 60021202****
B-0-3 TINGKAT MAYANG PASIR 11950 BAYAN BARU, PULAU PINANG
Penjamin 2 : MOHD SHAPIEE BIN HASHIM - 60051807****
2W2X TINGKAT BATU UBAN 1, BATU UBAN, GELUGOR 11700 PULAU PINANG

No Akaun : 11363
Peminjam : RUZANNA BINTI RUSLI - 88011807****
A-3-18 APARTMENT VISTA PINGGIRAN, JALAN PINGGIRAN PUTRA 1, 43300 SERI KEMBANGAN, SELANGOR
Penjamin 1 : RUSLI BIN HASHIM - 58092502****
NO. 917 A MUKIM 9 , JALAN KAMPUNG MASJID, BAYAN LEPAS 11920 PULAU PINANG
Penjamin 2 : CHE ALI BIN OTHMAN - 65122207****
3-4-3 TINGKAT TELUK KUMBAR, BANDAR BARU TELUK KUMBAR 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG

No Akaun : 11367
Peminjam : NOR FATIHAH BT MOHD SABRI - 91062407****
2-8-20 TAMAN MANGGIS, JALAN ZAINAL ABIDIN 10400 PULAU PINANG
Penjamin 1 : MOHD SABRI BIN OSMAN - 62090507****
2-8-20 TAMAN MANGGIS, JALAN ZAINAL ABIDIN 10400 PULAU PINANG
Penjamin 2 : BASERI BIN ISMAIL - 63011102****
3-G-42 SRI DELIMA, LINTANG BAYAN 8, SUNGAI ARA, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG

No Akaun : 11368
Peminjam : NUR ADIRA BINTI ABDUL AZIZ - 90112607****
N0.168 LORONG PERDANA 2/9, BANDAR PERDANA, SUNGAI PETANI 08000 KEDAH
Penjamin 1 : ABDUL AZIZ BIN ISHAK - 65061102****
442 JALAN RHU 3, TAMAN RHU FASA 3, TIKAM BATU, SUNGAI PETANI 08600 KEDAH
Penjamin 2 : CHE JAM BINTI YAHAYA - 61123007****
168 LORONG PERDANA 2/9, BANDAR PERDANA, SUNGAI PETANI 08000 KEDAH

No Akaun : 11374
Peminjam : NORSYUHAIDAH BINTI MOHAMAD RAPI - 87052307****
JAB. IMEGRESEN MALAYSIA KUALA LUMPUR, ARAS LG,1,2,&5 KOMPLEKS KDN, JALAN SRIHARTAMAS 1, 50550 OFF JALAN DUTA, KUALA LUMPUR
Penjamin 1 : JASMIN BIN AMIR ALI - 80030507****
2A-03-12B MUTIARA HEIGHT, JALAN HAJJAH REHMAH 11600 PULAU PINANG
Penjamin 2 : SITI BUNIRAH BINTI MOHAMED AMIR - 82120907****
NO.60-04-01 PINANG COURT 2, LEBUHRAYA SUNGAI PINANG 11600 PULAU PINANG

No Akaun : 11380
Peminjam : NOORSAZILA BINTI MOHD AMIN - 83111507****
BDKTN 303 MUKIM J, JALAN GENTING, KAMPUNG TERANG 11000 BALIK PULAU, PULAU PINANG
Penjamin 1 : NORHAIDA BINTI MOHD AMIN - 78100907****
BERDEKATAN 303 MUKIM J, KAMPUNG TERANG 11000 BALIK PULAU, PULAU PINANG
Penjamin 2 : MOHD FAIZUL BIN MOHD AMIN - 88102352****
BERDEKATAN 303 MUKIM J, KAMPUNG TERANG 11000 BALIK PULAU, PULAU PINANG

No Akaun : 11381
Peminjam : NIZAHA BINTI ABU HASSAN - 78081507****
SMK MENGKUANG 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : KHIRUL ANNUAR BIN SHAMSUDIN - 61080902****
20 TINGKAT PAUH JAYA 1, TAMAN PAUH JAYA 13700 PERAI
Penjamin 2 : ROSNADA BINTI ABU HASSAN - 61081707****
20 TINGKAT PAUH JAYA 1, TAMAN PAUH JAYA 13700 PERAI

No Akaun : 11383
Peminjam : NOR HIDAYAH BINTI MHD NASIR - 87091235****
5751 KAMPUNG BAHARU, POKOK SENA 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 1 : NORHAYATI BINTI MOHD SALLEH - 60020108****
NO.5751 KAMPUNG BAHARU, POKOK SENA 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 2 : MHD NASIR BIN ISMAIL - 57091907****
NO.5751 KAMPUNG BAHARU, POKOK SENA 13200 KEPALA BATAS, SPU

No Akaun : 11386
Peminjam : NAEKASHRI A/P JOTHI - 87042935****
22-2-8 EASTERN COURT, LORONG HIJAU 8, 11600 PULAU PINANG
Penjamin 1 : NEESHA A/P JOTHI - 86012935****
22-2-8 EASTERN COURT, LORONG HIJAU 8, 11600 PULAU PINANG
Penjamin 2 : RAMLI BIN HUSIN - (MENINGGAL DUNIA)
A4-15 FLAT KAMPUNG MELAYU, 11500 AIR ITAM, PULAU PINANG

No Akaun : 11390
Peminjam : AWATIF BINTI ISMAIL - 83090907****
4500 BAKAU TUA 13110 PENAGA, SPU
Penjamin 1 : ZUL SUHAILI BIN MD HUSAIN - 83083102****
NO. 4500 BAKAU TUA 13110 PENAGA, SPU
Penjamin 2 : ISMAIL BIN OMAR - 64070207****
SEBELAH 4814 BAKAU TUA 13110 PENAGA, SPU

No Akaun : 11398
Peminjam : MASWANI BINTI ABDUL MANAP - 80070807****
INSTITUT PERGURUAN KAMPUS PULAU PINANG, PERSIARAN TUNKU KUDIN, BUKIT COOMBE 11700 GELUGOR, PULAU PINANG
Penjamin 1 : MASRAH BINTI ABDUL MANAP - 79050306****
1-04-06 TAMAN VANILA, TINGKAT SUNGAI BATU 2, 11920 TELUK KUMBAR, PULAU PINANG
Penjamin 2 : SHAREZAN BIN JAMIL - 77032802****
124-F LEBUH MAHSURI, TAMAN MELATI, SUNGAI NIBONG KECIL, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG

No Akaun : 11400
Peminjam : MUHAMAD SYAZWAN BIN RIZUAN - 91031107****
76-J, JALAN PERAK 10150 PULAU PINANG
Penjamin 1 : RIZUAN BIN JAAFAR - 60062202****
NO.76-J JALAN PERAK 10150 PULAU PINANG
Penjamin 2 : MD DESA BIN REJAB - 58051202****
1A-1-3 LEBUHRAYA THEAN TEIK, PERUMAHAN POLIS FARLIM FASA II, 11500 PULAU PINANG

No Akaun : 11413
Peminjam : OOI HOOI MAY - 91110407****
2-05-05 SERI JELUTONG, LINTANG MADRASAH, JELUTONG 11600 PULAU PINANG
Penjamin 1 : TEOH CHAI LEE - 65062902****
60-16-08 TAMAN SRI PERAK, JALAN SLIM 11600 PULAU PINANG
Penjamin 2 : LEE PHAIK LAY - (MENINGGAL DUNIA)
2-05-05 LINTANG MADRASAH, SERI JELUTONG 11600 PULAU PINANG

No Akaun : 11414
Peminjam : MUHAMMAD FAIZ BIN MOHAMAD ARIF - 89083107****
2-1-4 INTANA RIA 1, JALAN 7/4, SEKSYEN 7, BANDAR BARU BANGI 43650 SELANGOR
Penjamin 1 : MOHAMAD ARIF BIN YAHAYA - 60112907****
2-1-4 INTANA RIA 1, JALAN 7/4, SEKSYEN 7, BANDAR BARU BANGI 43650 SELANGOR
Penjamin 2 : MOHD HADZIN BIN AHMAD - 55120508****
1505 JALAN 1D/3 , BANDAR BARU SUNGAI BULUH 47000 SELANGOR

No Akaun : 11415
Peminjam : MUHAMMAD MURSYID BIN ABDUL SAMAD - 90120807****
JABATAN KESIHATAN NEGERI PULAU PINANG, 33 PENGKALAN WELD 10300 GEORGETOWN, PULAU PINANG
Penjamin 1 : ABDUL SAMAD BIN S S PAKEER MOHD - 65030407****
18-4-15 TAMAN UTARA, TINGKAT BATU UBAN 2, 11700 GELUGOR, PULAU PINANG
Penjamin 2 : ISMAIL BIN KALANDAR MASTAN - 51012771****
A-2-1-7 HALAMAN AREKA, LEBUH NIPAH, SUNGAI NIBONG 11900 PULAU PINANG

No Akaun : 11418
Peminjam : MOHD FIRDAUS BIN ABDUL GANIY - 89011907****
3-5-2 LEBUH NIPAH 2, ( PRIMA VIEW ) BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG
Penjamin 1 : JARINA BEGAM BINTI MOHAMED ABU BAKAR - 76070907****
BLOK A-3-12 BEREK POLIS DATO KERAMAT, BALAI POLIS DATO KERAMAT 10150 PULAU PINANG
Penjamin 2 : MOHD JAMAL BIN DIN MOHAMAD - 63050707****
2Q JALAN BERIKSA TIGA, BANDAR BARU AIR ITAM 11500 PULAU PINANG

No Akaun : 11419
Peminjam : MUHAMMAD SYAZWAN BIN AZAHAR - 90083007****
866C BAGAN NYIOR, JURU 14100 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : ABU HASAN BIN KASSIM - 64090302****
NO. F21 BATU 10 1/2 , SIMPANG 3, KARANGAN 09700 KULIM, KEDAH
Penjamin 2 : ROSLIZA BINTI AZALI - 80120907****
NO. 768 BAGAN NYIOR, JURU 14000 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 11420
Peminjam : MUGUNEISS ISWARI A/P NAGALINGGAM - 85011107****
NO.1 LORONG TENGGIRI 7, SEBERANG JAYA 13700 PERAI
Penjamin 1 : NAGALINGGAM A/L PALANDAY - 50061807****
NO. 1 LORONG TENGGIRI 7, 13700 SEBERANG JAYA, PERAI
Penjamin 2 : ELANGO A/L SOMASANDERAM - 84053008****
NO. 21 LORONG SUTERA 2 , TAMAN SUTERA, SEBERANG JAYA 13700 PERAI

No Akaun : 11427
Peminjam : BADRUL HISHAM BIN YAHAYA - 85021307****
4-3-20 TINGKAT SERI GENTING 1, TAMAN SRI INDAH 11000 BALIK PULAU, PULAU PINANG
Penjamin 1 : MOHD RASHID BIN MUSTAFA - 85101207****
NO.574 MUKIM E, TITI TERAS 11000 BALIK PULAU, PULAU PINANG
Penjamin 2 : ZAITUN BINTI BAKAR - 66082707****
4-3-20 TINGKAT SERI GENTING 1, TAMAN SRI INDAH, BALIK PULAU 11000 PULAU PINANG

No Akaun : 11433
Peminjam : JOHAN AFFANDY BIN ISMAIL - 87081207****
NO. 8 JALAN LIMAU PAGAR 4/4F, SEKSYEN 4, SHAH ALAM 40000 SELANGOR
Penjamin 1 : JUNAIDI BIN ISMAIL - 81072907****
NO. 27 LEBUH SRI KIJANG, TAMAN SRI KIJANG, ALMA 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : NUR SYUHADAH BINTI HAMZAH - 87030207****
B-1-1 TAMAN TUN SARDON, HILIR PEMANCAR, GELUGOR 11700 PULAU PINANG

No Akaun : 11435
Peminjam : KHAIRIL ANUAR BIN JASMEI - 81082007****
NO. 223 MUKIM E, PAYA KONGSI, BALIK PULAU 11000 PULAU PINANG
Penjamin 1 : SITI SARAH BINTI JASMEI - 84010307****
NO. 239 TAMAN SERI LEKIR 32020 SITIAWAN, PERAK
Penjamin 2 : SITI SAKHARAHANI BINTI ABDULLAH - 81031203****
NO.223 MUKIM E, PAYA KONGSI 11000 BALIK PULAU, PULAU PINANG

No Akaun : 11441
Peminjam : MUHAMMAD SAUFI BIN AB MUTALIB - 90020407****
124 LORONG SELADANG 4, TAMAN SRI SELADANG 09600 LUNAS, KEDAH
Penjamin 1 : AB MUTALIB BIN AHMAD TARJI - RF74***
NO.124 LORONG SELADANG 4, TAMAN SRI SELADANG 09600 LUNAS, KEDAH
Penjamin 2 : MAZLEENDA BINTI KAMARUDIN - 64010207****
NO.124 LORONG SELADANG 4, TAMAN SRI SELADANG 09600 LUNAS, KEDAH

No Akaun : 11442
Peminjam : MOHD DANIAL BIN MOHD EFENDY GOON - 88052935****
NO.13 JALAN SPEKTRUM U16/20, TAMAN BUKIT SUBANG 40150 SHAH ALAM, SELANGOR
Penjamin 1 : MOHD EFENDY GOON BIN ABDULLAH - 59041607****
NO.13 JALAN SPEKTRUM U16/20, TAMAN BUKIT SUBANG 40150 SHAH ALAM, SELANGOR
Penjamin 2 : AHMAD SHUKERI BIN WALAT - 66062707****
NO. 53 JALAN SAJAK U2/29 , TTDI JAYA, SHAH ALAM 40150 SELANGOR

No Akaun : 11450
Peminjam : SITY MASITA BT JAMALUDIN - 86051235****
4101 MK 3 BUKIT INDRA MUDA 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : MOHAMAD SOBRI BIN ABDUL MAJID - 70092802****
NO. 27 LORONG 1/13, TAMAN KTC KULIM HI-TECH PARK 09000 KULIM, KEDAH
Penjamin 2 : MOHD ZULKIFLE BIN JAMALLUDIN - 78052307****
4101 MUKIM 3, BUKIT INDRA MUDA 14000 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 11451
Peminjam : SYARIFAH NOOR ANIMAH BINTI SYED SHAARI - 91041407****
NO. 75 JALAN ORKID PERMAI, TAMAN ORKID PERMAI 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 1 : RAMNAH BINTI AHMAD - 86053109****
NO.19 JALAN LAHAT 10450 GEORGETOWN, PULAU PINANG
Penjamin 2 : SYED MOHD AZRIE IZANIE BIN SYED SHAARI - 84121708****
A-3-13 PANGSAPURI ANGKASA INDAH, TAMAN ANGKASA INDAH, KAJANG 43000 SELANGOR

No Akaun : 11455
Peminjam : TEOH HOOI LIN - 89112907****
59-1-01 MEDAN FETTES, TANJUNG BUNGAH 11200 PULAU PINANG
Penjamin 1 : TEOH HOCK SOON@TEOH SIM GUAN - 55062307****
BLOK 59-1-01 MEDAN FETTES 11200 TANJUNG BUNGAH, PULAU PINANG
Penjamin 2 : LIM KAM CHOON - 70110407****
5169 LORONG BUNGA RAMPAI 10, TAMAN RIA JAYA, SUNGAI PETANI 08000 KEDAH

No Akaun : 11457
Peminjam : SOPHIA LOO POH TIEN - 88070335****
114 MEDAN TEMBAGA, ISLAND PARK 11600 PULAU PINANG
Penjamin 1 : YEAP WEN NIE - 88111007****
52-6-3 TAMAN SRI HIJAU, JALAN VAN PRAAGH 11600 PULAU PINANG
Penjamin 2 : CHAN WY LOON - 86042535****
BLOK 1-3-8 JALAN LIMAU MANIS 1, TAMAN LIMAU MANIS 14000 BUKIIT MERTAJAM

No Akaun : 11458
Peminjam : NOR AIN BINTI NOH - 87051235****
576 LORONG SELASIH 1B/5, TAMAN SELASIH 09000 KULIM, KEDAH
Penjamin 1 : MAHIRAN BINTI ABU BAKAR - 68121107****
NO.3155 PERMATANG SUNGAI DUA 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 2 : AZRINBADRINAS BINTI ABU BAKAR - 77110707****
NO.3155 PERMATANG SUNGAI DUA 13200 KEPALA BATAS, SPU

No Akaun : 11467
Peminjam : ZAHIRAH AINI BINTI ZAINOL - 87081407****
349 MUKIM D JALAN BHARU 11000 BALIK PULAU, PULAU PINANG
Penjamin 1 : ZAINOL BIN AHMAD - 56100507****
349 MUKIM D, JALAN BHARU 11000 BALIK PULAU, PULAU PINANG
Penjamin 2 : NUR SALMI SUHANA BINTI HARONE - 84042007****
349 MUKIM D, JALAN BHARU 11000 BALIK PULAU, PULAU PINANG

No Akaun : 11471
Peminjam : NUR ATIQAH BINTI RAZALLI - 87061835****
NO. 70 MUKIM H, SUNGAI BURUNG 11000 BALIK PULAU, PULAU PINANG
Penjamin 1 : AININ AKMAR BIN ZAINOL - 78053007****
251 MUKIM H, SUNGAI BURUNG 11000 BALIK PULAU, PULAU PINANG
Penjamin 2 : BUKHARI BIN RAZALLI - 81032507****
70 MUKIM H, SUNGAI BURUNG 11000 BALIK PULAU, PULAU PINANG

No Akaun : 11472
Peminjam : MUHAMMAD HAZWAN BIN MOHAMAD AMIN - 89081213****
1710 KAMPUNG BANGGOL , POKOK SENA 13220 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 1 : MOHAMAD AMIN BIN ABD MUJAHID - 61081707****
1710 KAMPUNG BANGGOL, POKOK SENA 13220 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 2 : ZAINAB BINTI AHMAD - 63042307****
1710 KAMPUNG BANGGOL, POKOK SENA 13220 KEPALA BATAS, SPU

No Akaun : 11474
Peminjam : RANJEETA A/P SARVAESWARAN - 88030735****
NO. 15 JALAN POW NEE 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : SARVAESWARAN A/L MUNIANDY - 56041307****
NO. 1324 LORONG KANDOO KANDIYAR 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : KOKILAVENI A/P SARRAESWARAN - 85092707****
NO. 51 LORONG IMPIAN INDAH 18, TAMAN IMPIAN INDAH 14000 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 11476
Peminjam : SHANGGARY A/P KRISHNASAMY - 89040607****
NO. 49 LORONG 2 , TAMAN SERI MENDERONG 13300 TASEK GELUGOR, SPU
Penjamin 1 : LETCHEMY A/P R MARIAMUTHU - 63022602****
NO.49 LORONG 2, TAMAN SERI MENDERONG 13300 TASEK GELUGOR, SPU
Penjamin 2 : UMAHDEVI A/P KRISHNASAMY - 85092102****
NO.49 LORONG 2, TAMAN SERI MENDERONG 13300 TASEK GELUGOR, SPU

No Akaun : 11478
Peminjam : ZULKIFLI BIN MUSA - 88080535****
1220 KAMPUNG SURAU, SUNGAI DURI 14200 NIBONG TEBAL, SPS
Penjamin 1 : NOR HASLINDA BINTI OTHMAN - 85082307****
1097 JALAN SEBERANG TASEK 14120 SIMPANG AMPAT, SPS
Penjamin 2 : ZULAILA BINTI MUSA - 83120907****
NO.1220 KAMPUNG SURAU, SUNGAI DURI 14200 SUNGAI JAWI, SPS

No Akaun : 11482
Peminjam : MOHAMAD SYAFIQ FARHAN BIN ABDULLAH - 88050307****
BLOK N-185 FASA 3A, SERI MANJUNG 32040 PERAK
Penjamin 1 : ABDULLAH BIN SHAMUN - 60022507****
BLOK N-185, FASA 3A, SERI MANJUNG 32040 PERAK
Penjamin 2 : AZIAN BINTI AHMAD - 77020107****
BAHAGIAN HARTANAH ( PDC ), BANGUNAN TUN DR LIM CHONG EU 11909 BAYAN BARU, PULAU PINANG

# PERTANDINGAN MELUKIS POSTER BERTEMAKAN :

# "PENANG SOUTH ISLANDS" - ILUSTRASI ANDA

PENANG 2030

BERSATU DAN SETIA

**HADIAH UTAMA RM500**

1. Penyertaan terbuka kepada mereka yang berusia 13 tahun dan ke atas.
2. Bebas menggunakan sebarang jenis bahan mewarna.
3. Saiz kertas lukisan adalah A3 (29.7 cm x 24 cm).
4. Lukisan grafik dan adaptasi menggunakan komputer adalah tidak dibenarkan.
5. Lukisan dan idea adalah hasil ciptaan sendiri.
6. Setiap set penyertaan perlu bertemakan "Penang South Islands" - ilustrasi anda.
7. Borang butiran maklumat peribadi peserta perlu ditampal di bahagian belakang karya.
8. Penyertaan ahli keluarga terdekat barisan penganjur adalah tidak sah.
9. Semua karya adalah milik penganjur.
11. Keputusan juri adalah muktamad.
10. Tarikh tutup penyertaan, **15 April 2020.**

**Sila isi butiran berikut:**

Nama : ..........................................

No.Kad Pengenalan : ..........................................

Alamat : ..........................................

No. Telefon : (Rumah) .................... (Bimbit) ....................

Emel: ..........................................

Pastikan semua butiran diisi dengan lengkap.

# TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627 Fax : 04-2613453

Layarilah Laman Web : http://www.penang.gov.my

BERSATU DAN SETIA

**Pentadbiran ini dalam usaha mengesan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.**

**(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)**

| No Akaun | Peminjam | Penjamin 1 | Penjamin 2 |
|---|---|---|---|
| 11484 | ZAID IZZUDDIN BIN RAHMAT - 91070407****<br>NO. 4 GERBANG SUNGAI ARA 6, TAMAN PAGAR BULUH, SUNGAI ARA 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG | RAHIMAH BINTI ABD RAHIM - 79012907****<br>2A-G-2 TAMAN SAUJANA PERMAI, JALAN SUNGAI TIRAM 6, 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG | SITI ROOSLINA BINTI ABD RAHIM - 83041207****<br>2A-G-2 TAMAN SAUJANA PERMAI, JALAN SUNGAI TIRAM 6, 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG |
| 11486 | AMIRAH BINTI ABDULLAH - 90031707****<br>NO. 3494 JALAN PADANG BENGGALI , TELOK AIR TAWAR 13050 BUTTERWORTH | ADIBAH BINTI ABDULLAH - 81101707****<br>NO. 2A LORONG SUTERA PRIMA 5, TAMAN SUTERA PRIMA 13700 SEBERANG JAYA | SITI HAJAR BINTI MOHD SANI - 81102107****<br>NO. 3494 JALAN PADANG BENGGALI, TELUK AIR TAWAR 13050 BUTTERWORTH |
| 11487 | KALPANA A/P RAMACHANDRAN - 76022407****<br>BLK 2B-13-15 MEDAN MUTIARA IDAMAN, SOLOK TENGKU 11600 JELUTONG, PULAU PINANG | RAMACHANDRAN A/L GOVINDAN NAIR - 52011307****<br>BLOK 2-3-4 SOLOK SUNGAI ARA 1, SUNGAI ARA, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG | MAHENDRAN A/L S NEELAKANDAN - 69011207****<br>4D-5-2 LORONG SEMARAK API 1, BANDAR BARU AYER ITAM 11500 PULAU PINANG |
| 11488 | NUR ZAFIRA BINTI OTHMAN - 92032107****<br>23-3 BEREK POLIS LEBUH PANTAI 10300 PULAU PINANG | OTHMAN BIN MOHD YUSUF - RF99***<br>23-3 BEREK POLIS LEBUH PANTAI 10300 PULAU PINANG | JAMILAH BINTI ISMAIL - 66031107****<br>23-3 BEREK POLIS LEBUH PANTAI 10300 PULAU PINANG |
| 11489 | MOHD FAIRUS BIN SAAD - 80101102****<br>34, LORONG BAGAN JERMAL 10470 PULAU PINANG | SYAZANA BINTI MOHAMAD RABBIYAL KHAN - 88091256****<br>NO.17 KAMPUNG HARRIOT, JALAN BURMA 10250 PULAU PINANG | ASMA BINTI ABDULLAH - 66110871****<br>DI BELAKANG 114, MUKIM 2, TELUK BAHANG (UNIT 2) 11050 PULAU PINANG |
| 11490 | ZURIANEE BT LOKMAN LOGANATHAN - 89020307****<br>NO. 20 LORONG SUKUN INDAH 3, TAMAN SUKUN INDAH 14000 BUKIT MERTAJAM | ISHAK BIN SAAD - 89030408****<br>NO.14 KAMPUNG SUNGAI SEGAR 34510 BATU KURAU, PERAK | MOHAMMAD ADNAN BIN NAFIAH - 67060402****<br>79 PERINGKAT 2, FELDA IJOK 34120 SELAMA, PERAK |
| 11496 | YOGESWARY A/P MUNIANDY - 86081535****<br>27 CHANGKAT MINDEN , JALAN 6, 11700 GELUGOR, PULAU PINANG | MUNIANDY A/L PAKIRI - 53061807****<br>27 CHANGKAT MINDEN, JALAN 6, 11700 GELUGOR, PULAU PINANG | SHEELA A/P MUNIANDY - 80051907****<br>27 CHANGKAT MINDEN, JALAN 6, 11700 GELUGOR, PULAU PINANG |
| 11497 | MOHD ASMAWI BIN AHMAD - 74032107****<br>NO. 61, JALAN F4, TAMAN MELAWATI 53100 KUALA LUMPUR | NORASHIKIN BINTI MOHYEE - 76080601****<br>NO. 61 JALAN F4, TAMAN MELAWATI 53100 KUALA LUMPUR | ASLEEZA BINTI AHMAD - 78070607****<br>NO. 1545 JALAN BPJ 2/29, BANDAR PUTERI JAYA 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH |
| 11506 | MUHAMMAD SYAFIQ FIRDAUS BIN ROSLI - 90021102****<br>5573 PADANG MENORA 13310 TASEK GELUGOR, SPU | ROSLI BIN IBRAHIM - 61100702****<br>5573 PADANG MENORA 13310 TASEK GELUGOR, SPU | FARIDAH BINTI MAT AKHIR - 56120202****<br>BATU 26, JALAN PADANG SANAI 06300 KUALA NERANG, KEDAH |
| 11508 | NURUL HAFIZAH BT YUSOF - 91110107****<br>25 LORONG PAUH JAYA 2/7 , TAMAN PAUH JAYA 13700 PERAI | MOHD PAZERI BIN OTHMAN - 67062002****<br>NO.336 TAMAN SENA, LABU BESAR 09010 KULIM, KEDAH | AMRAN BIN MD ZAIN - 67080707****<br>NO.1834 KAMPUNG CHE ISA 14300 NIBONG TEBAL, SPS |
| 11510 | NURUL HASYIFAH BINTI YUSOF - 90012107****<br>NO. 9 JALAN TONGKANG, TAMAN NELAYAN, MERSING 86800 JOHOR | YUSOF BIN MAN - 59122202****<br>NO. 25 LORONG PAUH JAYA 2/7, TAMAN PAUH JAYA 13700 PERAI | MOHD KHALID BIN BAHARI - 70041307****<br>NO. 318 LORONG 11, TAMAN SUNGAI KOB 09700 KARANGAN, KEDAH |
| 11516 | MOHD ABIDZAR BIN ZAINOL ABIDIN - 85012005****<br>NO. 4 SOLOK PERWIRA 4, TAMAN PERWIRA , PERMATANG TINGGI 14000 BUKIT MERTAJAM | ZAINOL ABIDIN BIN BAHARUM - 49050702****<br>NO.4 SOLOK PERWIRA 4, TMN PERWIRA, PERMATANG TINGGI 14000 BUKIT MERTAJAM | MOHD RABBILASUAD BIN ZAINOL ABIDIN - 73021602****<br>NO.4 SOLOK PERWIRA 4, TMN PERWIRA, PERMATANG TINGGI 14000 BUKIT MERTAJAM |
| 11518 | ROHAIDA BINTI HAMEL - 89043007****<br>NO. 3450 LORONG 2B/4, TAMAN SELASIH 09000 KULIM, KEDAH | MOHAMAD ROHAIMI BIN HAMEL - 81022207****<br>NO.525 LORONG KEMUNING 7, TAMAN KEMUNING 09000 KULIM, KEDAH | ROHAIZA BINTI HAMEL - 75082502****<br>NO.3450 LORONG SELASIH 2B/4, TAMAN SELASIH 09000 KULIM, KEDAH |
| 11527 | OOI YIT BOON - 87101907****<br>3-4-2 GENTING COURT CONDO, OFF JALAN GENTING KLANG 53300 SETAPAK, KUALA LUMPUR | OOI ENG KEE - 57031807****<br>BLOK A-4-01 LORONG EMAS 1, TAMAN EMAS, BAGAN AJAM 13000 BUTTERWORTH | LIM CHOON THEAN - 61022307****<br>BLOK A-4-01 LORONG EMAS 1, TAMAN EMAS, BAGAN AJAM 13000 BUTTERWORTH |

# Kemudahan pembuatan teknologi tinggi *Smith+Nephew* di Batu Kawan

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**BUKIT TAMBUN** – *Smith+Nephew*, sebuah syarikat terkemuka dunia secara rasminya memulakan kerja-kerja pembinaan kemudahan pembuatan berteknologi tinggi dekat Taman Industri Batu Kawan.

Majlis pecah tanah bagi pembinaan kemudahan berkenaan disempurnakan oleh Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow di sini pada 28 Februari lalu.

Presiden Smith+Nephew (Operasi Global), Mark Gladwell berkata bahawa kemudahan yang dibina di atas tapak seluas 250,000 kaki persegi itu adalah bernilai kira-kira US$50 juta.

"Kami menjangkakan kerja-kerja pembinaan akan siap menjelang suku ketiga tahun 2021 dan produk buatan Malaysia yang pertama bersedia untuk dijual secara komersial pada suku keempat tahun depan.

"Ini merupakan projek yang sangat menarik kerana kami percaya bahawa Pulau Pinang mempunyai kedudukan yang strategik sebagai hab pembuatan. Malah, lokasi Pulau Pinang juga membolehkan kami mengembangkan lagi operasi sedia ada.

"Melalui projek ini juga, kami berharap dapat mewujudkan sehingga 800 peluang pekerjaan dalam tempoh lima tahun akan datang.

"Justeru, kami sangat berterima kasih atas sokongan Kerajaan Negeri, (Kerajaan) Persekutuan serta semua agensi yang terlibat, dan berharap agar kerjasama ini akan mencapai kejayaan yang memberangsangkan," ulasnya.

Hadir sama, Exco Perdagangan Antarabangsa & Dalam Negeri, Hal Ehwal Pengguna dan Pembangunan Keusahawanan, Dato' Abdul Halim Hussain; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Tambun, Goh Choon Aik dan Pengurus Besar Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) Dato' Mohd. Bazid Abd. Kahar.

Turut serta, Pengarah InvestPenang (iP), Dato' Seri Lee Kah Choon; Ketua Pegawai Eksekutif iP, Dato' Loo Lee Lian; Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), Datuk Azman Mahmud serta wakil-wakil pihak berkaitan.

Dalam pada itu, Kon Yeow memberitahu bahawa industri teknologi dan peranti perubatan memainkan peranan semakin penting di negeri ini.

"Terdapat lapan daripada 30 syarikat peranti perubatan global terkemuka yang beroperasi atau telah mengumumkan pelaburan mereka di Pulau Pinang.

"Saya percaya Pulau Pinang akan terus menjadi daya tarikan dalam menarik pemain-pemain global dalam industri peranti perubatan.

"Oleh itu, tahniah diucapkan kepada *Smith+Nephew* atas kejayaan penting ini," ujarnya.



**KETUA Menteri, barisan kepimpinan Kerajaan Negeri, dif-dif jemputan kehormat serta pihak-pihak berkaitan menyempurnakan pelancaran majlis pecah tanah bagi pembinaan kemudahan perubatan pembuatan baharu Smith+Nephew Operations Sdn. Bhd., subsidiari Smith+Nephew Incorporated di sini baru-baru ini.**


**SALAH seorang jemputan meneliti sebahagian bahan pameran yang dipamerkan.**



# Pertandingan reka bentuk poster pupuk kesedaran kitar semula



SR. Rozali Mohamud (berkopiah) memerhatikan beberapa produk yang dihasilkan melalui bahan kitar semula sejurus Majlis Perasmian Pertandingan Mereka Bentuk Poster di sini baru-baru ini.

Gambar : **MBSP**

**BERAPIT –** Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) buat julung kalinya menganjurkan pertandingan mereka bentuk poster bagi memupuk kesedaran dalam kalangan pelajar sekolah mengenai amalan kitar semula.

Datuk Bandar MBSP, Dato' Sr. Rozali Mohamud percaya bahawa program tersebut mampu menyemai perubahan tingkah laku positif secara berterusan kepada para pelajar khususnya berkaitan kitar semula selaras dengan tema pertandingan iaitu *'Recycle for a Life Cycle'*.

"Tahun ini (2020) merupakan tahun pertama pertandingan mereka bentuk poster ini diadakan bagi menggantikan pertandingan mereka cipta produk *Upcycle* yang dianjurkan pada 2018 dan 2019.

"Ini merupakan salah satu kaedah pendidikan dilaksanakan oleh MBSP untuk mencapai kadar kitar semula 70 peratus pada tahun 2022, dan pengurangan sisa sebanyak 50 peratus per kapita.

"Justeru, diharapkan pertandingan ini dapat diteruskan pada tahun-tahun akan datang dengan penglibatan lebih ramai penaja bagi menjayakan program-program seumpama ini," ucapnya pada majlis perasmian pertandingan berkaitan dekat Dewan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Berapit di sini pada 29 Februari lalu.

Hadir sama, Ahli-Ahli Majlis bagi MBSP; Setiausaha Bandaraya, Ir. Rosnani Mahmod; Pengurus Korporat Fraser & Neave Holdings Bhd., Cariessa Goh Gaek Hwa; Pengarah Alam Sekitar Tetra Pak Malaysia, Singapura dan Filipina, Terrynz Tan serta Pengetua SMK Berapit, Lim Poh Sew.

Difahamkan, pertandingan mereka bentuk poster berkenaan mendapat tajaan daripada Fraser & Neave Holdings Bhd. (FNHB) dan penaja bersama, Tetra Pak (Malaysia) Sdn. Bhd..

Sebanyak 20 sekolah rendah dan sekolah menengah (20) mengambil bahagian dalam pertandingan tersebut yang diwakili oleh lima pelajar dan seorang guru pengiring.

Juara pertandingan berjaya membawa pulang RM500, manakala tempat kedua serta ketiga masing-masing RM400 dan RM300.



PARA pelajar sedang menyiapkan reka bentuk poster.

# Buang sampah haram, OKS dihukum denda



AR. Yew Tung Seang.

**PADANG KOTA –** Tiga kesalahan membuang sampah haram yang dikesan dilakukan pihak tidak bertanggungjawab baru-baru ini telah menerima padah apabila seorang individu telah dijatuhi hukuman oleh mahkamah pada 25 Februari lalu.

Perkara tersebut dimaklumkan Datuk Bandar bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato' Ar. Yew Tung Seang dalam satu sidang media sejurus mempengerusikan Mesyuarat Biasa Majlis (MBM) di sini 27 Februari lalu.

Menurut Tung Seang, Orang Kena Saman (OKS) berkenaan telah dijatuhkan hukuman denda sebanyak RM7,000 bagi kesalahan membuang sampah haram di Jalan Tun Dr. Lim Chong Eu, dan masing-masing denda berjumlah RM15,000 bagi kesalahan dekat Batu Maung serta Permatang Pasir.

"Kita (MBPP) telah menangkap pesalah terbabit, termasuk menahan lori yang digunakan.

"OKS telah dijatuhkan hukuman dan pihak mahkamah turut memerintahkan agar lori berkaitan dirujuk untuk tindakan pelupusan.

"Justeru, MBPP menyeru kepada pihak yang terlibat dengan penghasilan sampah agar lebih bertanggungjawab dan melupuskan sampah masing-masing di tempat yang dibenarkan sahaja, ini kerana MBPP tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan jika didapati bersalah," tegasnya.

Difahamkan, OKS berkenaan didenda di bawah Seksyen 70A, Akta Parit dan Bangunan 1974 dan sekiranya gagal membayar denda, hukuman penjara dua bulan akan dikenakan.

# SUKMA Johor: Pulau Pinang sertai semua 31 acara sukan

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **NUR AFIQAH ZAINUDI**

**GEORGE TOWN –** Pulau Pinang secara rasminya menerima watikah jemputan untuk menyertai temasya Sukan Malaysia (SUKMA) ke-20 yang bakal berlangsung di Johor pada Julai ini.

Watikah diserahkan oleh mantan Exco Belia, Sukan, Kebudayaan Negeri Johor, Mohd. Khuzzan Abu Bakar kepada Exco Belia dan Sukan negeri, Soon Lip Chee di sini 23 Februari lalu.

Lip Chee berkata bahawa majlis penyampaian watikah lazimnya diadakan setiap kali tibanya temasya SUKMA yang bertujuan mengeratkan lagi hubungan antara delegasi kedua-dua negeri.

"Sebagai makluman bersama, kontinjen negeri Pulau Pinang akan menghantar penyertaan untuk semua 31 acara sukan yang bakal dipertandingkan pada temasya kali ini.

"Justeru, saya mendorong agar jurulatih serta wakil persatuan sukan negeri supaya bersama-sama memainkan peranan serta tanggungjawab masing-masing dalam menjayakan acara sukan diamanahkan.

"Pengorbanan para atlet bagi kecemerlangan serta kemajuan sukan di SUKMA Johor akan disokong sepenuhnya," katanya pada majlis berkaitan.



**SOON Lip Chee (tujuh dari kanan), barisan kepimpinan Kerajaan Negeri, dif-dif kehormat dan wakil-wakil berkaitan merakam gambar kenangan sejurus majlis penyampaian watikah penyertaan temasya SUKMA ke-20 di sini baru-baru ini.**

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Bakap merangkap Presiden Persatuan Bola Sepak Negeri Pulau Pinang, Dr. Amar Pritpal Abdullah; ADUN Batu Uban merangkap Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Belia dan Sukan, A. Kumaresan serta barisan delegasi Kerajaan Negeri Johor.

Mengulas lanjut, Lip Chee menjelaskan bahawa setakat ini, Pulau Pinang telah mendaftarkan 723 atlet meliputi 31 jenis sukan.

"Jumlah ini belum muktamad kerana senarai akhir akan diumumkan pada April ini memandangkan terdapat segelintir persatuan masih menilai prestasi atlet, tetapi kita jangkakan lebih 900 delegasi termasuk pegawai-pegawai persatuan dan lain-lain akan berada di sana.

"Bagi sasaran pingat pula, kita masih perlukan perbincangan lanjut bagi menentukan acara-acara sukan yang boleh menghadiahkan emas, perak dan gangsa, tapi paling penting adalah semangat sukan yang ditunjukkan oleh para atlet," ujarnya.

Dalam pada itu, Mohd. Khuzzan memberitahu bahawa Pulau Pinang menjadi negeri ketiga selepas Kedah dan Perak yang menerima jemputan rasmi bagi negeri-negeri di wilayah utara.

"Kita jangka jemputan rasmi akan selesai sebelum bulan Ramadan ini," jelas beliau.

Difahamkan, Johor bakal menggunakan logo rasmi dengan grafik perkataan jawi 'Jim' yang mewakil negeri berkenaan sebagai identiti kebangsaan manakala 'gambir' dan 'lada hitam' diangkat sebagai obor temasya.

Maskot rasmi SUKMA 2020 pula adalah seekor Harimau Malaya bernama Jimi yang mewakili keberanian serta kegarangan selain turut menampilkan ciri kesultanan zaman-berzaman yang menjadi identiti negeri Johor.


## VILA BEGONIA

**HAKMILIK KEKAL**








**Pelan Lokasi**

**RUMAH TERES 2 TINGKAT**
Keluasan Petak Tanah: 117 mp (min) - 208 mp (max)
Keluasan Binaan : 197 mp (min) - 237 mp (max)
Harga Jualan : RM628,000 (min) - RM767,000 (max)
Bilangan Unit : 95

**RUMAH BANDARAN 3 TINGKAT**
Keluasan Petak : 127 mp (min) - 133 mp (max)
Harga Jualan : RM468,000 (min) - RM602,000 (max)
Bilangan Unit : 92

**PALMINGTON SDN BHD (892241-W)**
12-01, Penthouse, Wisma Pantai,
Jalan Wisma Pantai, Kampung Gajah,
12200 Butterworth
Tel : 04-3240088 Fax : 04-3240090
Email: tilb@tambunindah.com

**5% Diskaun Untuk Bumiputera**

No. Lesen Pemaju : 11882-12/01-2021/62(L)
No. Permit Iklan & Jualan : 11882-12/01-2021/62(P)
Nama Pihak Berkuasa yang Meluluskan Pelan Bangunan : MPSP
No. Rujukan Pelan Bangunan :MPSP/40/20-75/60
Tarikh Pemajuan Dijangka Siap : September 2022
Jenis Pegangan Tanah: Hakmilik Kekal
Bebanan Tanah : Tiada
Sekatan Kepentingan : Tiada

Tempoh Sah : 17/01/2019 to 16/01/2021
Tempoh Sah : 17/01/2019 to 16/01/2021

Bilangan Unit:
Rumah Teres 2 Tingkat - 95 unit
Rumah Bandaran 3 Tingkat - 92 unit

**IKLAN INI TELAH DILULUSKAN OLEH JABATAN PERUMAHAN NEGARA**

# MBSP antara 10 bandar raya terbaik Asia

Gambar : **LAW SUUN TING**

**SEBERANG JAYA –** Organisasi bukan laba, *Carbon Disclosure Project* (CDP) menyenaraikan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) antara 10 bandar raya terbaik di Asia pada tahun lepas.

Datuk Bandarnya, Dato' Sr. Rozali Mohamud berkata bahawa MBSP juga disenaraikan antara 100 bandar raya terbaik dunia oleh CDP yang berpangkalan di United Kingdom, dalam Persidangan Rangka Kerja Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu Mengenai Perubahan Iklim (UNFCCC).

"Seberang Perai diiktiraf sebagai pemimpin global dalam menangani perubahan iklim dengan mencapai tempat dalam senarai A iaitu Kategori Kepimpinan oleh CDP.

"Pengiktirafan ini adalah berdasarkan tindakan Seberang Perai dalam membangunkan strategi perubahan iklim yang mantap, bertindak mengehadkan dan mengurangkan pelepasan (karbon), menilai risiko iklim serta melaporkan secara telus maklumat-maklumat ini kepada CDP.

"Selaras itu, ia juga menjadi kayu pengukur bahawa Seberang Perai menunjukkan kepimpinan dalam ketelusan, menyesuaikan diri serta bersiap-sedia untuk menghadapi kesan krisis perubahan iklim," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Penuh dekat Ruang Media Menara Bandaraya di sini 20 Februari lalu.

Turut serta, Ahli-Ahli Majlis bagi MBSP; Setiausaha Bandaraya, Ir. Rosnani Mahmod; ketua-ketua jabatan serta pegawai-pegawai MBSP.

Difahamkan, sebanyak 105 bandar raya di seluruh dunia telah disenaraikan dalam *'A-List City'* pada 2019 berbanding hanya 43 bandar raya pada tahun sebelumnya.

Di peringkat Asia pula, MBSP berada di tangga kelima dalam senarai bandar raya terbaik di belakang Yokohama, Seoul, Hong Kong dan New Taipei mengatasi Petaling Jaya, Iskandar, Tainan, Taoyuan serta Balik Papan.




**SR. Rozali Mohamud (tiga dari kiri) bersama-sama barisan kepimpinan MBSP menunjukkan beberapa salinan penerbitan berkenaan pada sidang media di sini baru-baru ini.**

Dalam perkembangan berkaitan, Rozali menerangkan bahawa Seberang Perai berjaya mengurangkan 16.5 peratus pelepasan karbon per kapita pada tahun lepas dengan bacaan 6.88 tan karbon dioksida seorang berbanding 2015 (8.24 tan).

"Secara kumulatifnya, Seberang Perai berjaya mengurangkan sebanyak 10.44 juta tan karbon dioksida bagi tempoh antara 2010 hingga 2019.

"Pencapaian Seberang Perai dalam mengurangkan pelepasan karbon dapat dilihat apabila jumlah pelepasan karbon bagi tahun 2019 adalah 6.6 juta tan berbanding anggaran iaitu 9.65 juta tan.

"Pengurangan sebanyak 31.4 peratus ini merupakan satu kejayaan membanggakan hasil daripada perubahan gaya hidup masyarakat di Seberang Perai yang lebih prihatin terhadap alam sekitar," jelasnya.



# *ASPP Awards 2020* kembali bertemakan #MyGreenSeberangPerai

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**SEBERANG JAYA –** *Aspiring Seberang Perai Photography (ASPP) Awards 2020* anjuran Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) kembali lagi pada tahun ini dengan tema #MyGreenSeberangPerai.

Datuk Bandar MBSP, Dato' Sr. Rozali Mohamud berkata, penganjuran program berkenaan bertujuan memberi peluang kepada komuniti untuk berkarya melalui fotografi, selain menggalakkan aktiviti pelancongan di Seberang Perai.

"Walaupun MBSP bukan organisasi yang berorientasikan perniagaan tetapi kita tetap memberikan perhatian kepada sektor pelancongan sebagai salah satu usaha untuk menjadikan Seberang Perai bandar bersih dan hijau.

"Kedatangan pelancong akan meningkatkan kesedaran dalam kalangan masyarakat untuk terus menjaga kebersihan di Seberang Perai selain mampu menjana pendapatan bagi golongan B40," ujarnya pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Penuh dekat Ruang Media Menara Bandaraya di sini 20 Februari lalu.

Hadir sama, Ahli-Ahli Majlis bagi MBSP; Setiausaha Bandaraya MPSP, Ir. Rosnani Mahmod serta ketua-ketua jabatan MBSP.

Tahun ini, sebanyak lima kategori dipertandingkan iaitu profesional; penduduk dilahirkan di Seberang Perai; pelajar sekolah menengah (seluruh Seberang Perai); *Timelapse Living In Old Town* serta penyertaan media sosial *(Instagram)*. Tiga komponan akan dinilai iaitu *Green Tourism & Events, Trees and Greening Effort* dan *Green Networks & Parks*.

Borang penyertaan dan maklumat lanjut berkaitan *ASPP Awards 2020* boleh dimuat turun di laman web *http://www.mbsp.gov.my* atau *www.spiritofperai.my*.



SR. Rozali Mohamud.




# Anugerah pingat harap tingkat mutu penguatkuasaan

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**SEBERANG JAYA –** Seramai 20 anggota Polis Bantuan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) menerima Pingat Kebaktian daripada mantan Ketua Polis Negeri, Komisioner Polis Datuk T. Narenasagaran dalam suatu majlis istiadat penganugerahan di Menara MBSP.

Ketika berucap, Datuk Bandar MBSP, Dato' Sr. Rozali Mohamud berharap dengan penganugerahan pingat tersebut, ia dapat meningkatkan lagi mutu perkhidmatan badan penguatkuasaan di peringkat pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan.

"Polis Bantuan MBSP perlu meningkatkan mutu perkhidmatan secara menyeluruh serta meningkatkan semangat jati diri serta disiplin melalui latihan serta pematuhan kepada peraturan-peraturan ditetapkan Polis Diraja Malaysia (PDRM)," ujarnya dalam Majlis Penganugerahan Pingat Pegawai dan Anggota Polis Bantuan MBSP dekat sini pada 21 Februari lalu.

Turut serta, Setiausaha Bandaraya, Ir. Rosnani Mahmod; barisan Ahli Majlis MBSP; Ketua Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti Negeri (Perancangan Strategik PDRM), Zundin Mahmood dan Pemangku Ketua Polis Daerah Seberang Perai Tengah (SPT), Supritendan Mohd. Mustafa Bidin.

Rozali memberitahu, dengan mengambil kira kawasan pentadbiran ketiga-tiga daerah iaitu Seberang Perai Utara (SPU), SPT dan Seberang Perai Selatan (SPS), MBSP berharap hasrat menambah bilangan anggota Polis Bantuan dapat dipertimbangkan oleh PDRM.

Difahamkan, antara tugas anggota Polis Bantuan MBSP adalah memantau serta menjaga keselamatan aset PBT berkenaan daripada pencerobohan, kehilangan, kerosakan dan sebagainya.



**T. Narenasagaran (dua dari kiri) sambil diperhatikan Sr. Rozali Mohamud (kiri sekali) menyarungkan pingat berkaitan kepada salah seorang anggota polis bantuan pada Majlis Penganugerahan Pingat Pegawai dan Anggota Polis Bantuan MBSP di sini baru-baru ini.**

# *'Bike Box'*, tingkat keselamatan penunggang motosikal dan basikal

**DATUK KERAMAT –** Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) kini dalam tempoh percubaan selama tiga bulan bagi pelaksanaan projek rintis zon khas bagi motosikal serta basikal yang dikenali sebagai *'Bike Box'* membabitkan tiga lokasi berasingan di bahagian pulau.

Ahli Majlis MBPP, Tan Chiew Choon berkata bahawa cadangan penyediaan zon khas *Bike Box* berkenaan adalah bagi meningkatkan keselamatan penunggang motosikal serta basikal yang acap kali terpaksa berhenti bersebelahan atau di belakang pemandu kenderaan lain yang lebih besar.

Menurut beliau, situasi tersebut secara tidak langsung menimbulkan bahaya kepada para penunggang motosikal dan basikal apabila kehadiran mereka tidak disedari pemandu lain seperti kereta, van, bas atau lori.

"Pada ketika ini, penunggang-penunggang motosikal dan basikal tidak mempunyai zon khas untuk berhenti.

"Justeru, zon khas *Bike Box* ini diwujudkan bagi meningkatkan penglihatan pemandu kenderaan lain terhadap penunggang motosikal ataupun basikal.

"Ia dicadangkan di penjuru simpang dan tiga meter ke belakang serta diikuti dengan garisan berhenti untuk kenderaan lain. Kelebaran zon khas ini adalah mengikut kelebaran jalan sedia ada.

"Jika terdapat lintasan pejalan kaki, zon khas ini akan diadakan di belakang lintasan tersebut dan diikuti dengan garisan berhenti untuk kenderaan lain," jelasnya pada Majlis Pelancaran Bike Box di persimpangan Jalan Datuk Keramat/Jalan Perak dekat sini 21 Februari lalu.

Hadir sama, Ahli-ahli Majlis MBPP iaitu Tan Hooi Peng, Mohamed Yusoff Mohamed Noor dan Tan Soo Siang serta Jurutera Kanan Lalu Lintas dan Pengangkutan Awam MBPP, Ir. Zainuddin Mohamad Shariff.

Tiga persimpangan telah dipilih untuk menguji pelaksanaan projek rintis berkenaan iaitu di persimpangan Jalan Datuk Keramat/Jalan Perak, persimpangan Jalan Ahmad Nor/Jalan Jelutong dan persimpangan Jalan Datuk Keramat/Jalan Macalister.

Bagi tujuan tersebut, Chiew Choon memberitahu bahawa MBPP memperuntukkan sekitar RM3,000 untuk setiap *Bike Box* yang disediakan.

"Pihak MBPP dalam pada itu berharap agar penunggang motosikal serta basikal dapat memanfaatkan zon khas ini dengan baik dan pengguna jalan raya lain diseru supaya dapat memberikan kerjasama dengan memberhentikan kenderaan di belakang zon khas yang diwujudkan.

"Keprihatinan pengguna jalan raya dengan memberikan keutamaan kepada penunggang motosikal serta basikal dapat meningkatkan keselamatan sekaligus mengurangkan risiko kemalangan," ujarnya.

Mengulas lanjut, pada sidang media sama, Hooi Peng menjelaskan bahawa sebagai meningkatkan keselamatan pejalan kaki terutamanya, MBPP telah mengambil inisiatif menambah tanda arahan lalu lintas.

"Kita (MBPP) telah menambah digital *countdown* untuk kenderaan, perkataan AWAS, LIHAT KIRI dan LIHAT KANAN di jalan raya, serta juga menambah beberapa papan tanda amaran.

"Ini adalah sebahagian daripada usaha terhadap kempen *Pedestrian Is King*," ulasnya.



**TAN Chiew Choon (dua dari kiri) dan barisan Ahli Majlis MBPP lain pada Majlis Pelancaran Bike Box di sini baru-baru ini.**



# Dasar Keterangkuman Gender, MBSP capai matlamat

Gambar : **MBSP**

**SEBERANG JAYA –** Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) berjaya mencapai matlamat Dasar Keterangkuman Gender di peringkat Pengurusan dan Profesional (P&P) termasuk Kumpulan Pelaksana I.

Datuk Bandarnya, Dato' Sr. Rozali Mohamud berkata bahawa kejayaan itu dicapai selepas MBSP menubuhkan Unit Keterangkuman Gender bagi memastikan keseimbangan kakitangan mengikut nisbah iaitu 40 peratus lelaki, 40 peratus wanita dan 20 peratus terbuka kepada lelaki dan wanita.

"Di peringkat P&P, bilangan pegawai wanita adalah seramai 26 orang (40 peratus) dan pegawai lelaki 26 orang (40 peratus), manakala peringkat Kumpulan Pelaksana I pula bilangan wanita adalah 396 orang (40 peratus) dan pegawai lelaki 396 orang (40 peratus).

"Walau bagaimanapun, di peringkat Kumpulan Pelaksana II memperlihatkan bilangan kakitangan wanita hanya 69 orang (dua peratus) berbanding lelaki seramai 2,855 orang atau 98 peratus.

"Perbezaan ini disebabkan kebanyakan kakitangan bagi Kumpulan Pelaksanan II adalah terdiri daripada buruh lelaki yang bekerja di lapangan," ucapnya pada Majlis Jasamu Dikenang Tahun 2020 dan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2019 di sini 19 Februari lalu.

Turut hadir, Ahli-Ahli Majlis bagi MBSP; Setiausaha Bandaraya, Ir. Rosnani Mahmod; Ketua-Ketua Jabatan serta pegawai-pegawai MBSP.

Pada majlis tersebut, seramai 293 kakitangan MBSP menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) bagi tahun 2019 iaitu meningkat sebanyak 26 peratus berbanding hanya 232 orang pada tahun sebelumnya.

Difahamkan, daripada jumlah tersebut, seramai 21 kakitangan adalah daripada kumpulan P&P, Kumpulan Sokongan I (168) dan Kumpulan Sokongan II (104).

Mengulas lanjut mengenai perkara itu, Rozali menjelaskan bahawa peningkatan bilangan penerima APC pada tahun 2019 adalah ekoran kejayaan Seberang Perai yang telah dinaik taraf kepada bandar raya.

"Kakitangan merupakan aset penting yang sentiasa diberi perhatian oleh pihak pengurusan kerana tanpa sokongan mereka, MBSP tidak dapat menempa nama serta terus gemilang menjadi pihak berkuasa tempatan (PBT) cemerlang.

"MBSP berasa bangga kerana mempunyai Ahli-Ahli Majlis, Setiausaha Bandaraya, Ketua-Ketua Jabatan, warga kerja, 'Wira Oren' dan komuniti yang inklusif, responsif serta kreatif sehingga berjaya merangkul pelbagai anugerah.

"Saya menghargai usaha-usaha ditunjukkan oleh semua kakitangan MBSP tidak kira peringkat jawatan dalam memastikan visi serta misi MBSP dapat dicapai khususnya dalam membuat pengubahsuaian dan penambahbaikan sistem atau cara kerja supaya lebih efektif serta efisien," ujarnya.

Tambah Rozali, MBSP turut menitikberatkan aspek integriti serta disiplin dalam kalangan kakitangan tanpa mengira kumpulan sama ada di peringkat pengurusan tertinggi atau kumpulan sokongan.

"MBSP sememangnya komited dalam usaha membanteras rasuah, salah guna kuasa, penyelewengan, tatatertib dan pecah amanah dalam kalangan kakitangan.

"Justeru, pada tahun lepas, MBSP telah mengambil dua tindakan buang kerja atas kesalahan pemilikan dadah dan juga ketidakhadiran yang mana ia diharap dapat dijadikan iktibar kepada kakitangan yang masih bermasalah," tegasnya.

# Pupuk generasi muda sayangi sungai

**PENANTI –** Seramai 116 pelajar dari 29 sekolah di Seberang Perai mengambil bahagian dalam program Latihan Pendidikan dan Pertandingan Kuiz Kualiti Air Sekolah Menengah anjuran Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) baru-baru ini.

Program yang turut mendapat kerjasama pertubuhan bukan kerajaan (NGO), *Water Watch Penang* (WWP) itu adalah bertujuan memupuk perasaan cintakan sungai dalam kalangan generasi muda di negeri ini.

Ahli Majlis bagi MBSP, Michael Tan Cheong Heng berkata bahawa melalui program tersebut, para pelajar berpeluang mengenal pasti tahap kebersihan dan kesihatan air sungai.

"Para pelajar dengan bimbingan fasilitator WWP bakal didedahkan dengan kaedah menjalankan ujian terhadap sampel air sungai.

"Antaranya, ujian sifat kimia, biologi termasuk fizikal menggunakan peralatan disediakan.

"Justeru, melalui latihan ini, para pelajar berpeluang mempelajari kaedah mengenal pasti tahap kebersihan serta kesihatan air sungai," ucapnya pada majlis penganjuran berkaitan yang berlangsung dekat Taman Rimba Cherok Tok Kun di sini 22 Februari lalu.

Hadir sama, Timbalan Presiden WWP, Dr. Tan Mou Leong.

Dalam pada itu, Mou Leong memberitahu bahawa program tersebut kebiasaannya dijalankan sekali dalam tempoh sebulan sejak tahun 2017.

"Sehingga kini, hasil kerjasama WWP bersama-sama MBSP, sebanyak 23 kali program ini dijalankan dengan melibatkan 35 sekolah iaitu penglibatan 703 pelajar di seluruh Seberang Perai.

"Saya berharap program ini dapat diteruskan pada masa akan datang dengan melibatkan lebih ramai pelajar sebagai pendedahan secara langsung kepada generasi muda berhubung kepentingan sungai,'' ulasnya.

## Kata penerima:


MARINA Zainul Abidin.


NORSUHAIBAH Hanbal.


HANA Dayanti Zalili Husin.


K. Sinnappen.

**MARINA ZAINUL ABIDIN**, kerani dari Jabatan Kemasyarakatan MBSP menzahirkan rasa bertuah apabila terpilih sebagai salah seorang penerima APC terutamanya selepas Seberang Perai dinaik taraf kepada bandar raya baru-baru ini.

"Kejayaan ini adalah kejayaan bersama dan bukannya saya seorang. Mungkin kali ini rezeki menyebelahi saya.

"Oleh itu, pada kesempatan ini, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pengarah saya, Norhayati Sulaiman, pegawai penilaian dan semua kawan-kawan di Jabatan Kemasyarakatan," ujarnya yang menerima APC buat kali ketiga sepanjang berkhidmat.

Bagi **NORSUHAIBAH HANBAL**, Penolong Pegawai Tadbir dari Unit Butterworth Baru MBSP menyifatkan kejayaan tersebut sebagai pembakar semangat untuk beliau bekerja dengan lebih gigih selain dapat menepis persepsi negatif oleh pihak-pihak luar.

Katanya, ini merupakan kali pertama beliau menerima APC setelah berkhidmat selama 13 tahun sejak 2007 di MBSP.

"Saya tidak sangka turut terpilih menerima APC pada tashun ini kerana saya diberitahu mengenai perkara ini pada saat-saat akhir.

"Perasaan memang terkejut dan bersyukur…saya tidak pernah terfikir akan dipilih sebagai penerima APC kerana selama ini saya hanya jalankan tugas seperti yang diamanahkan.

"Walau bagaimanapun, saya berasa amat bersyukur dan berterima kasih kepada rakan-rakan di bahagian pengurusan MBSP," zahirnya.

**HANA DAYANTI ZALILI HUSIN**, Pembantu Tadbir Kanan di Jabatan Khidmat Pengurusan MBSP pula meluahkan rasa syukur kerana diberikan kepercayaan untuk menerima APC buat kali pertama pada tahun ini.

"Terima kasih diucapkan kepada pihak atasan (MBSP) di atas penganugerahan ini yang mana ia dapat membuatkan saya lebih bersemangat dan komited untuk memberikan perkhidmatan terbaik kepada MBSP," katanya yang telah bertugas selama tujuh tahun di bahagian kaunter berpusat.

**K. SINNAPPEN**, Pembantu Tadbir di Bahagian Pengurusan MBSP menyifatkan anugerah tersebut sebagai satu penghargaan kepada beliau setelah berkhidmat lebih 40 tahun.

"Ini merupakan kali ketiga saya terima APC. Justeru, saya ucapkan terima kasih kepada MBSP kerana menjadikan saya seorang pekerja yang berdikari serta berdedikasi," ulasnya yang akan bersara wajib pada tahun ini.

Difahamkan, setiap penerima APC 2019 menerima sijil, hadiah prestasi sebanyak RM1,000 dan peluang serta keutamaan memajukan kerjaya.

# Sumbangan karpet baru surau

**SUNGAI PINANG** – Jawatankuasa masjid dan surau sekitar Parlimen Jelutong dialu-alukan untuk mengemukakan permohonan sekiranya memerlukan dana bagi penambahbaikan kedua-dua institusi berkenaan.

Perkara itu dinyatakan Ahli Parlimen kawasan terbabit R.S.N. Rayer ketika menyampaikan sumbangan RM24,960 kepada Surau Al-Muhajirin dekat Flat Projek Perumahan Rakyat (PPR) Jalan Sungai di sini 22 Februari lalu.

"Semua surau dan masjid yang memerlukan dana kita akan beri peruntukan, kini surau ini yang saya sampaikan adalah untuk tujuan menukar karpet berkeluasan kira-kira 2,400 kaki persegi.

"Saya alu-alukan pihak pengurusan surau dan masjid untuk mengemukakan permohonan kerana kita sedia maklum MAINPP (Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang) juga mungkin ada kekangan kewangan, jadi MP (Ahli Parlimen) akan cuba lakukan sesuatu," ujarnya pada majlis penyampaian berkaitan.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pinang, Lim Siew Khim; Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Mohamed Yusoff Mohamed Noor; Pengerusi Surau Al-Muhajirin, Abu Bakar Che Din serta ahli jawatankuasa persatuan penduduk Flat PPR Jalan Sungai.

Dalam pada itu, Abu Bakar ketika ditemui Buletin Mutiara menyatakan rasa syukur atas kesudian Rayer membantu surau tersebut yang disifatkan sebagai tepat pada masanya.

"Masalah karpet yang ada sekarang ini adalah serangan pepijat yang kita sedia maklum memang susah untuk dihapuskan," jelasnya.




R.S.N. Rayer (tengah, berkemeja putih) berjabat tangan dengan Abu Bakar Che Din (enam dari kanan) pada majlis penyampaian sumbangan kepada Surau Al-Muhajirin di sini baru-baru ini.

# Rancang sektor kerjaya masa depan, seru Exco

Oleh : **SITI FATIMAH HUZAIDI**
Gambar : **WOO YEE QI**

**GEORGE TOWN** – Bimbingan dalam meningkatkan kesedaran mengenai hala tuju kerjaya perlu disampaikan kepada pelajar agar golongan tersebut dapat merancang masa depan dengan lebih baik, ujar Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee.

Menurut beliau, pelajar tidak seharusnya tertumpu kepada akademik dan kokurikulum di sekolah sahaja untuk berjaya, sebaliknya mereka perlu merancang sektor kerjaya masa depan.

"Kadang kala terdapat pelajar yang terlalu fokus dengan keputusan peperiksaan sehingga mereka telah mengabaikan pelan kerjaya untuk jangka masa panjang," ujarnya bersempena penganjuran program Belia Untuk Masa Depan: Bengkel Penerokaan Kerjaya di sini 27 Februari lalu.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Tikus, Chris Lee Chun Kit, Timbalan Pengarah UWC Berhad, Matin Ng Chin Liang, Pengurus ViTrox, Johreyna Yeoh Siew Eng dan guru-guru pengelola.

Kira-kira 100 pelajar Tingkatan 5 sekolah berkenaan terlibat dalam program anjuran Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC) berkaitan.

Dalam pada itu, Chun Kit memberitahu bahawa pelajar tidak sepatutnya terlalu memilih dalam soal kerjaya terutamanya dengan keadaan sekarang yang memerlukan persaingan sengit.

"Pelajar sekarang perlu mengambil segala jenis peluang yang diberikan bagi memastikan mereka mampu memenuhi kehendak pasaran kerjaya kelak," serunya.

SOON Lip Chee (barisan depan, berkemeja merah jambu), Chris Lee Chun Kit (kiri sekali), wakil-wakil berkaitan serta para pelajar merakam gambar kenangan bersempena penganjuran program Belia Untuk Masa Depan: Bengkel Penerokaan Kerjaya di sini baru-baru ini.






# Kampung Baru Alma hasil bakat muda bola sepak

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **ADUN**

**PADANG LALANG** – Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Lalang, Chong Eng berharap anak-anak muda di Kampung Baru Alma mampu mewakili pasukan bola sepak Pulau Pinang dan Malaysia dalam tempoh lima tahun akan datang.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis pembukaan Kejohanan Bola Sepak Tertutup 7 Sebelah di Kampung Baru Alma, Bukit Mertajam dekat sini.

"Dari jaguh kampung kita ke jaguh negeri, kemudian ke jaguh negara dan seterusnya ke jaguh dunia.

"Asalkan kita rajin, kita berlatih, tentu boleh… jadi mungkin kita boleh adakan juga klinik bola sepak pada musim cuti sekolah dan kita boleh jemput pemain kelab-kelab bola sepak untuk menunjukkan cara-cara yang betul," ujar Chong Eng yang juga Exco Pembangunan Wanita, Keluarga, Keterangkuman Gender dan Agama Selain Islam.

Kejohanan Bola Sepak Tertutup 7 Sebelah tersebut adalah anjuran Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Kampung Baru Alma.

"Saya diberitahu bahawa semua peserta adalah anak tempatan dan kejohanan ini merupakan acara tahunan yang telah diadakan hampir 11 tahun lalu.

"Justeru, saya berharap penganjuran yang bertujuan mengasah bakat-bakat muda sukan bola sepak mampu dijadikan sebagai produk utama Kampung Baru Alma," sarannya.

Penganjuran berkaitan adalah membabitkan 10 pasukan iaitu Kampung Tengah, Pelanduk Jatuh, Parit Joget, Permatang Kilang, Kampung Seronok, Parit Alor, Kampung Bawah, Ceruk Padang dan Jalan Kilang Kicap.



**CHONG Eng (kiri sekali) mengalungkan medal kepada salah seorang pemain yang mengambil dalam Kejohanan Bola Sepak Tertutup 7 Sebelah di sini baru-baru ini.**

## Ceburi bidang sains dan teknologi demi keperluan pasaran kerja semasa

**PULAU TIKUS** – Pelajar di bangku sekolah menengah khasnya digalakkan untuk menceburi bidang sains dan teknologi bagi memenuhi keperluan pasaran kerja semasa.

Ahli Parlimen Bukit Bendera, Wong Hon Wai berkata, Kerajaan Negeri Pulau Pinang sejak 2008 memperkenalkan pelbagai inisiatif berkaitan sebagai pendedahan terhadap bidang sains dan teknologi.

"Kafe Sains Pulau Pinang, *Penang Tech Dome*, Perpustakaan Digital Pulau Pinang merupakan antara inisiatif yang diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri bagi menggalakkan para pelajar menceburi bidang sains serta teknologi.

"Pelajar perlu fokus kerana bidang seperti ini mempunyai potensi besar pada masa hadapan, apatah lagi apabila Pulau Pinang kini digelar *'Silicon Valley of the East'*.

"Sampaikan ada dalam kalangan pekerja yang datang dari luar Pulau Pinang untuk mendapatkan pekerjaan dalam bidang sains dan teknologi di negeri ini," ujarnya ketika hadir merasmikan Mesyuarat Agung Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) Sekolah Menengah Kebangsaan Perempuan St. George (SGGS) di sini pada 22 Februari lalu.

Turut sama, Pengetua SGGS, Athiyah Abd. Razak serta guru-guru, para pelajar dan ibu bapa.

Sebagai sebuah 'Sekolah Berprestasi Tinggi', Hon Wai percaya bahawa SGGS mampu melahirkan bakat-bakat besar yang cemerlang pada masa hadapan.

"Kini, ramai pelajar perempuan yang berkebolehan dalam bidang sains dan teknologi.

"(Dan) saya percaya pelajar SGGS juga mampu mencipta nama pada masa hadapan.

"Cuma, sebagai nilai tambah, saya menggalakkan para pelajar untuk mempelajari pelbagai bahasa termasuk menguasai bahasa Inggeris dan bahasa ibunda," serunya.

Dalam majlis sama, Hon Wai turut menyerahkan cek berjumlah RM5,000 kepada PIBG SGGS bagi menjalankan aktiviti tahunan.

Beliau dalam pada itu turut menyampaikan empat botol pensanitasi *(sanitizer)* berserta sungkup muka *(face mask)* kepada pihak sekolah.

Usai majlis, Hon Wai dibawa untuk menyaksikan pertandingan hoki antara sekolah-sekolah peringkat kebangsaan yang diadakan di sini serta dibawa meninjau sekitar kawasan sekolah.



**PERTANDINGAN hoki antara sekolah-sekolah peringkat kebangsaan yang berlangsung di SGGS baru-baru ini.**

## RM100,000 naik taraf lantai dewan, pusat sumber SK Francis Light

**PULAU TIKUS** – Sejumlah RM100,000 disalurkan Ahli Parlimen Bukit Bendera, Wong Hon Wai bagi kerja-kerja menaik taraf lantai dewan serta pusat sumber di Sekolah Kebangsaan (SK) Francis Light dekat sini.

Menurut Hon Wai, Kerajaan Negeri sentiasa berhasrat untuk mewujudkan persekitaran sekolah yang bukan sahaja baik malah kondusif dengan prasarana yang serba lengkap demi keselesaan para pelajar.

"Malah, Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan sentiasa memastikan pendidikan menjadi keutamaan termasuk dalam pengagihan dana penyelenggaraan kepada sekolah-sekolah yang memerlukan serta melalui penganjuran pelbagai program berkaitan.

"Oleh itu, saya berharap, dengan sempurnanya kerja-kerja naik taraf ini maka bukan sahaja pihak sekolah, malah ibu bapa dapat melihat betapa seriusnya kerajaan menitikberatkan hal berkaitan pelajar serta pendidikan," ucapnya pada Majlis Perasmian Mesyuarat Agung PIBG Kali Ke-46 Sekolah Kebangsaan (SK) Francis Light di sini pada 22 Februari lalu.

Turut berucap, Guru Besar SK Francis Light, V. Thinakaran dan Yang Dipertua Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG), Faridah Bakar.

Mengulas lanjut, Hon Wai menyatakan bahawa peranan ibu bapa dalam memastikan pencapaian dan kejayaan anak-anak adalah amat penting.

"Guru membantu dan memudahcarakan pembelajaran anak-anak kita di sekolah.

"Namun, kedua-duanya (ibu bapa dan guru) perlu berganding bahu mempersiapkan anak-anak demi menghadapi cabaran kerjaya masa hadapan," serunya sambil menzahirkan ucapan tahniah kepada seluruh warga SK Francis Light yang menyambut ulang tahun ke-90 tahun ini.

Dalam pada itu, Hon Wai turut menyerahkan sumbangan hasil tanggungjawab sosial korporat (CSR) berupa empat unit pensanitasi *(sanitizer)* dan dua kotak sungkup muka *(face mask)* kepada pihak sekolah berkenaan.

"Di Parlimen Bukit Bendera terdapat 25 sekolah, dan saya ada menerima sumbangan CSR sebanyak 100 botol *sanitizer* dan *face mask* untuk diserahkan kepada semua sekolah di sini.

"Saya berharap sekiranya terdapat tanda-tanda demam dan sebagainya, segeralah berjumpa dengan doktor bagi mengurangkan risiko penularan penyakit berjangkit seperti tercetusnya COVID-19," ujarnya.



**WONG Hon Wai (dua dari kanan) menyerahkan empat unit pensanitasi kepada V. Thinakaran (dua dari kiri) sejurus merasmikan Mesyuarat Agung PIBG Ke-46 sekolah berkenaan di sini baru-baru ini.**

# Bakat Si Cilik - Mewarna 1/2020




Sila isi butiran berikut:

Nama : ______________________

No. My Kid/ Kad Pengenalan: ______________________

Alamat: ______________________

______________________

Nama Ibu/ Bapa/ Penjaga: ______________________

No. Telefon : (Rumah) ____________ (Bimbit) : ____________

Emel: ______________________

Terma & Syarat Peraduan:

1. Mewarna : Peraduan dibuka dari **15 Februari 2020** hingga **15 April 2020.**
2. Terbuka kepada kanak-kanak berusia 12 tahun dan ke bawah.
3. Hanya borang penyertaan sah boleh digunakan.
4. Peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan.
5. Hasil lukisan akan menjadi hak penganjur.
6. Keputusan pengadil adalah muktamad.
7. Penyertaan ahli keluarga terdekat barisan penganjur adalah tidak sah.
8. Sebarang pertanyaan, sila hubungi 04-650 5704 / 650 5375 / 650 5256.
9. Alamatkan semua borang penyertaan kepada:
   Buletin Mutiara, Peraduan Bakat Si Cilik - Mewarna,
   Tingkat 47, Komtar, 10503 Pulau Pinang.

## Hadiah:

**Pertama: RM250**
**Kedua: RM150**
**Ketiga: RM100**
**10 Hadiah Saguhati**